



TABUNG HAJI
حي على الفلاح

Memenuhi Aspirasi

Fulfilling Aspirations



2022 2023 **2024**

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT

HIJRAH²⁴



MEMENUHI ASPIRASI FULFILLING ASPIRATIONS

Rekaan muka depan tahun ini meraikan pencapaian signifikan perjalanan tiga tahun transformasi HIJRAH24 pada tahun 2024. Melalui penggabungan elemen alam semula jadi dan digital, rekaan ini menggambarkan keseimbangan harmoni antara kelestarian dan inovasi.

Imej pokok yang berbuah, dihasilkan melalui kod binari, garis litar, dan piksel, melambangkan kemajuan berterusan **TH** dalam bidang digital dan kelestarian. Batang pokok yang teguh, dipenuhi buah, mewakili hasil inisiatif strategik yang berjaya dicapai sepanjang tiga tahun lalu.

Seiring dengan pertumbuhan dan kematangan buah yang mencerminkan lima (5) aspirasi HIJRAH24, diketengahkan sebagai buah yang masak, sedia untuk dituai. Aspirasi-aspirasi ini adalah:

- Menjana Pendapatan Stabil & Mampan
- Mengekalkan Perkhidmatan Haji Cemerlang
- Penyampaian Perkhidmatan Yang Efisien & Pengalaman Terbaik Pendeposit
- Organisasi yang Dikuasai oleh Bakat
- Organisasi Islam yang Dihormati Kerana Tadbir Urusnya

Setiap aspirasi, seperti buah yang dalam keadaan terbaik, mewakili pencapaian penting dalam perjalanan berterusan **TH** menuju pertumbuhan yang lestari dan inovatif.

Aspirasi ini turut disokong oleh transformasi digital dan pelan komunikasi yang berstruktur demi mencapai agenda HIJRAH24 sepenuhnya.

This year's cover design celebrates the significant achievements of **TH's** transformative three-year HIJRAH journey in 2024. Through the integration of nature and digital elements, the design captures the harmonious balance between sustainability and innovation.

The image of a fruiting tree, generated through binary code, circuitry lines, and pixels, symbolizes **TH's** continuous progression in digital and sustainable frontiers. The tree's sturdy trunk, laden with fruit, represents the realization of tangible outcomes through the successful fulfillment of strategic initiatives over the past three years.

As the fruit grows and ripens, it mirrors the maturation of the five (5) HIJRAH24 aspirations, which are highlighted as falling fruits, ready to be harvested. These aspirations are:

- Generate Stable & Sustainable Income
- Maintaining Excellent Hajj Services
- Efficient Service Delivery & Excellence Depositors Experience
- Talent Powered Organisation
- Respected Islamic Organisation for Its Governance

Each aspiration, like a fruit in its prime, represents a milestone in **TH's** ongoing journey toward sustainable and innovative growth.

These aspirations are also supported by digital transformation and a structured communication plan to fully achieve the HIJRAH24 agenda.



Imbas kod QR untuk mengakses
Laporan Tahunan **TH** dalam talian
[Scan the QR code to access
TH Annual Report online](#)

DALAM LAPORAN INI

01

TENTANG KAMI / OUR STORY

- 04 Fungsi Kami
[Our Purpose](#)
- 05 Visi, Misi & Nilai Teras
[Vision, Mission & Core Values](#)
- 06 Ringkasan Prestasi Kewangan Lima (5) Tahun (2020-2024)
[Five \(5\) Year Financial Performance Summary \(2020-2024\)](#)
- 07 Statistik Lima (5) Tahun (2020-2024)
[Five \(5\) Year Statistics \(2020-2024\)](#)
- 08 Peristiwa Penting 2024
[2024 Milestones](#)
- 10 Struktur Syarikat Kumpulan
[Group of Companies Structure](#)
- 11 Model Penciptaan Nilai Kami
[Our Value Creation Model](#)
- 15 Libat Urus Pemegang Taruh
[Stakeholder Engagement](#)

02

WARGA KAMI / OUR PEOPLE

- 22 Perutusan Pengerusi
[Chairman's Statement](#)
- 28 Lembaga Pengarah
[The Lembaga](#)
- 30 Profil Lembaga
[The Lembaga Profile](#)
- 40 Panel Pelaburan
[Investment Panel](#)
- 42 Profil Panel Pelaburan
[Investment Panel Profile](#)
- 50 Jawatankuasa Penasihat Syariah
[Shariah Advisory Committee](#)
- 51 Profil Jawatankuasa Penasihat Syariah
[Shariah Advisory Committee Profile](#)
- 58 Carta Organisasi
[Organisation Chart](#)

INSIDE THIS REPORT

03

ULASAN STRATEGIK / STRATEGIC REVIEW

- 62 Ulasan Prestasi Oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Performance Review by the Group Managing Director and Chief Executive Officer
- 72 Objektif Strategik: Lima (5) Objektif Strategik Utama
Strategic Objective: Five (5) Strategic Objectives
 - 72 Objektif Strategik 01: Pentadbiran Dana
Strategic Objective 01: Fund Administration
 - 75 Objektif Strategik 02: Pengurusan Haji
Strategic Objective 02: Hajj Management
 - 85 Objektif Strategik 03: Pengurusan Deposit
Strategic Objective 03: Deposit Management
 - 91 Objektif Strategik 04: Modal Insan
Strategic Objective 04: Human Capital
 - 100 Objektif Strategik 05: Tadbir Urus
Strategic Objective 05: Governance
- 101 Syarikat Kumpulan
Group of Companies

04

TADBIR URUS / GOVERNANCE

- 122 Penyata Tadbir Urus Korporat
Statement on Corporate Governance
- 132 Pernyataan Tadbir Urus Syariah TH
TH Shariah Governance Statement
- 135 Amalan Zakat TH
TH Zakat Guidelines
- 137 Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
Statement on Risk Management and Internal Control
- 146 Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah TH
Report of the TH Shariah Advisory Committee
- 151 Laporan Integriti dan Tadbir Urus
Integrity and Governance Report

05

INISIATIF KELESTARIAN / SUSTAINABILITY INITIATIVES

- 158 Program CSR Zakat
CSR Zakat Programme
- 168 Pengurusan Tenaga
Energy Management

06

SOROTAN MEDIA / MEDIA HIGHLIGHTS

- 176 Sorotan Media
Media Highlights

07

DIREKTORI TH / TH DIRECTORY

- 178 Direktori TH
TH Directory

08

PENYATA KEWANGAN / FINANCIAL STATEMENT

- 180 Penyata Kewangan
Financial Statement

Dalam Bahagian Ini: In this Section:

- 04 Fungsi Kami
[Our Purpose](#)
- 05 Visi, Misi & Nilai Teras
[Vision, Mission & Core Values](#)
- 06 Ringkasan Prestasi Kewangan Lima (5) Tahun (2020-2024)
[Five \(5\) Year Financial Performance Summary \(2020-2024\)](#)
- 07 Statistik Lima (5) Tahun (2020-2024)
[Five \(5\) Year Statistics \(2020-2024\)](#)
- 08 Peristiwa Penting 2024
[2024 Milestones](#)
- 10 Struktur SYARIKAT KUMPULAN
[Group of Companies Structure](#)
- 11 Model Penciptaan Nilai KAMI
[Our Value Creation Model](#)
- 15 Libat Urus Pemegang Taruh
[Stakeholder Engagement](#)



PENTADBIRAN DANA **FUND ADMINISTRATION**





FUNGSI KAMI OUR PURPOSE

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535).

Aktiviti utama **TH** ialah pengurusan haji, simpanan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada jemaah haji Malaysia dan rekodnya yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji yang inovatif. **TH** mempunyai 9.55 juta pendeposit dengan 107 cawangan dan lebih 10,000 titik sentuh di seluruh negara. **TH** juga mempunyai satu pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah bidang kuasa Konsulat Malaysia.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) is a statutory body governed by the Tabung Haji Act 1995 (Act 535).

TH's main activities are hajj management, depository services and investment. **TH** strives to provide excellent hajj services to Malaysian pilgrims and its consistent track record has gained world recognition as a role model for innovative hajj management. **TH** has 9.55 million depositors and 107 branches with more than 10,000 touch-points nationwide. **TH** also operates an office in Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia under the purview of the Malaysian Consulate.



VISI
VISION

Pengurusan Haji Terbilang;
Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah
Excellence in Hajj Management;
The Pillar of the Ummah's Economic Success




NILAI TERAS
CORE VALUES

- | | | |
|---|--|------------------------------|
| Komited
Committed | Profesional
Professional | Kerja Berpasukan
Teamwork |
| Prihatin dan Penyayang
Loving and Caring | Menerima Perubahan
Embracing Change | |



MISI
MISSION

Dalam mencapai visi **TH**,
KAMI beriltizam:
In achieving **TH**'s vision,
WE pledge:



RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN LIMA (5) TAHUN (2020-2024)

FIVE (5) YEAR FINANCIAL PERFORMANCE SUMMARY (2020-2024)

KUMPULAN / GROUP	2024	2023	2022 ^a	2021	2020 ^b
	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million
Pendapatan / Revenue	5,034	3,981	4,078	3,876	3,509
Pendapatan Keseluruhan / Total Income ^c	5,950	4,814	4,385	4,270	4,075
Perbelanjaan Operasi / Operating Expenditure	1,218	1,077	976	774	763
Keuntungan Operasi / Operating Profit	2,352	2,209	2,110	2,194	1,956
Zakat / Zakat	104	108	98	107	106
Keuntungan Bersih / Net Profit	2,423	2,375	2,206	2,596	2,689
Aset Bersih / Net Assets	3,093	2,200	889	2,754	6,795

TH / TH	2024	2023	2022	2021	2020
	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million	RM Juta / Million
Pendapatan / Revenue	3,866	3,563	3,124	3,069	3,112
Pendapatan Keseluruhan / Total Income ^c	4,655	4,287	3,387	3,424	3,543
Perbelanjaan Operasi / Operating Expenditure	902	844	783	610	590
Keuntungan Operasi / Operating Profit	2,318	2,442	2,039	2,421	2,353
Keuntungan Boleh Agih / Distributable Profit	2,946	2,586	2,174	2,583	2,546
Zakat / Zakat	99	103	97	107	106
Keuntungan Bersih / Net Profit	2,214	2,330	1,933	2,291	2,216
Agihan Keuntungan / Profit Distribution ^d	2,916	2,714	2,644	2,455	2,242
Aset Bersih / Net Assets	3,313	2,605	1,367	3,297	3,659
Simpanan Pendeposit / Depositors' Savings	91,747	89,005	87,600	83,338	75,920
Bilangan Pendeposit (Juta Orang) Number of Depositors (Million People)	9.55	9.15	8.77	8.41	8.97

Nisbah Kewangan Utama TH / Key Financial Ratio TH	2024	2023	2022	2021	2020
	%	%	%	%	%
Kadar Keuntungan Bersih / Net Profit Margin	57.27	65.40	61.88	74.65	71.21
Perbelanjaan Operasi/Aset Bersih Operating Expenditure/Net Assets	27.23	32.40	57.28	18.50	16.12
Perbelanjaan Operasi/Simpanan Pendeposit Operating Expenditure/Depositors' Savings	0.98	0.95	0.89	0.73	0.78

^a Angka yang dinyatakan semula untuk Penyata Untung atau Rugi bagi Tahun Berakhir 2022 kerana pelarasan tahun-tahun terdahulu secara retrospektif berikutan penggunaan pakai piawaian baharu MFRS 17 - Insurance Contracts.
Restated figures for Financial Year 2022 Profit or Loss Statement & Total Net Assets due to prior year adjustments following retrospective adjustments on initial application of new standard MFRS 17 - Insurance Contracts.

^b Angka yang dinyatakan semula untuk Penyata Untung atau Rugi bagi Tahun Berakhir 2020 kerana pelarasan tahun-tahun terdahulu berikutan pengkelasan Hartanah, loji dan peralatan tertentu ke Hartanah pelaburan berikutan penyatuan pada peringkat Kumpulan.
Restated figures for Financial Year 2020 Profit or Loss Statement due to past year adjustments following reclassification of certain PPE to Investment Properties upon consolidation at Group level.


^c Termasuk pendapatan lain dan keuntungan penjualan instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.
Includes other income and gain on disposal of equity instruments at FVOCI.

^d Agihan keuntungan yang diumumkan pada tahun kewangan dibayar tahun berikutnya.
Profit distribution declared for the financial year and paid in the subsequent year.


STATISTIK LIMA (5) TAHUN (2020-2024)

FIVE (5) YEAR STATISTICS (2020-2024)


Pendapatan (RM Juta)
Revenue (RM Million)




Pendapatan Keseluruhan (RM Juta)
Total Income (RM Million)




Keuntungan Operasi (RM Juta)
Operating Profit (RM Million)




Keuntungan Boleh Agih (RM Juta)
Distributable Profit (RM Million)




Zakat (RM Juta)
Zakat (RM Million)




Keuntungan Bersih (RM Juta)
Net Profit (RM Million)




Simpanan Pendeposit (RM Juta)
Depositors' Savings (RM Million)



Bilangan Pendeposit (Juta orang)
Number of Depositors (Million people)



Agihan Keuntungan (RM Juta)
Profit Distribution (RM Million)



Kadar Agihan Keuntungan (%)
Profit Distribution Rate (%)



PERISTIWA PENTING 2024

2024 MILESTONES

JAN
JAN

19

TH Anjur Karnival Haji & Umrah TH
TH Organises TH Hajj & Umrah Carnival



FEB
FEB

5

TH Anjur Program “Young Leadership 2024”
TH Organises “Young Leadership 2024” Programme



JUN
JUN

24

Pembentangan Berkenaan Pelaksanaan Zakat TH
kepada Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan
Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI)
Presentation to MKI on TH Zakat Practices



JUL
JUL

10

Lawatan Kerja Delegasi Afghanistan ke TH
Afghan Delegation's Working Visit to TH Headquarters



22

Delegasi Sri Lanka Melawat TH
Sri Lankan Delegation Visits TH Headquarters



23

TH Anjur Ceramah Digitalisasi 2024
TH Organises Digitalisation Talk 2024



OGOS
AUG

8

TH Menandatangani MOU bersama SME Bank
TH Signs MOU with SME Bank



13

Duta Malaysia Ke Arab Saudi Kunjungi TH
Malaysian Ambassador to Saudi Arabia visits TH Headquarters



SEPT
SEPT

5

TH Anjur Program Kecekapan Tenaga & Kelestarian TH 2024
TH Organises TH Energy Efficiency & Sustainability Programme 2024



26

28

Kunjung Hormat dan Mesyuarat bersama TYT Menteri Haji & Umrah Arab Saudi
Working Visit and Meeting with TYT Minister of Hajj & Umrah of Saudi Arabia



DIS
DEC


10

TH & MAB Tandatangani MoU Tingkat Usaha Perkukuh Pelan Tindak Balas Bencana Udara
TH & MAB Signs Memorandum of Understanding to Strengthen Efforts on Air Disaster Response Plans



STRUKTUR SYARIKAT KUMPULAN

GROUP OF COMPANIES STRUCTURE



* Nota: Sehingga 31 Disember 2024
Note: As at 31 December 2024

MODEL PENCIPTAAN NILAI KAMI

Persekitaran Luaran Kami Pemacu utama yang mempengaruhi Model Perniagaan TH 📄 Untuk maklumat lanjut tentang Prestasi mengikut Objektif Strategik, sila ke muka surat 72 hingga 100.		MAKROEKONOMI » Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia berkembang sebanyak 5.1% pada tahun 2024 » Penyederhanaan inflasi teras » Prestasi Ringgit mengatasi prestasi mata wang utama Asia lain » Peningkatan Kadar Dasar Semalaman (OPR)		POLITIK, PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA » Kestabilan lanskap politik negara		TEKNOLOGI » Keperluan untuk memperkukuh keselamatan siber bagi mencegah dan membanteras penipuan akaun » Teknologi yang terus berkembang sedang mengubah operasi global		SOSIAL DAN KELESTARIAN » Kelangsungan Bantuan Kewangan Haji bersasar kepada golongan B40 dan M40 » Meningkatkan kesedaran tentang konsep Istito'ah			
Modal Kami pada (1/1/2024)		Cadangan Perniagaan Strategik Kami		Perkara Material Kelestarian TH		Hasil Keluaran dari Aktiviti Teras		UN SDG			
🏦 KEWANGAN • Saiz dana pendeposit: RM89.0b • Aset RM93.6b • Liabiliti RM91.0b 🧠 INTELEKTUAL • Pengguna THiJARI: 2.69j • THiJARI Biz: 2,552 majikan dan gaji kumulatif RM339.81j • VAO: 425k akaun (diaktifkan) • FPX: RM2.75b • JomPay: RM389j 🤝 HUBUNGAN & SOSIAL • Pendeposit: 9.15j • Pendaftaran haji: 3.94j • Kerjasama dengan Rakan Strategik - BIMB, BKRM, MBB, CIMB & AMMB • Hubungan kukuh dengan Kerajaan Arab Saudi 👤 INSAN • 1,921 anggota dan 107 cawangan (termasuk 16 anggota di Kerajaan Arab Saudi) • Ibu Pejabat: 756 anggota, Cawangan: 1,160 cawangan • Pengurusan Kanan: 13 • Pengurusan: 175, Pemboleh: 1,091 • Professional: 668 🏢 PEMBUATAN • 10,000 touch points • 107 cawangan, 14 pejabat negeri, 5 pejabat wilayah • Jumlah Aset: 171 - Kilang (5), Hospital (4), Pasaraya (4), Bangunan Pejabat (101), Kediaman (34), Kompleks (2) dan Tanah (5) • Hartanah luar negara - 6 di United Kingdom, 7 di Arab Saudi dan 3 di Australia • THiJARI dan THiJARI Biz 🌱 KELESTARIAN ALAM • Rangka Kerja Kelestarian TH • Penyata Kelestarian TH yang diterbitkan - pematuhan kepada MCII • 8 dari 17 bangunan TH mendapat penarafan <i>Building Energy Intensity</i> (BEI) 5 bintang		🏠 HIJRAH24 Tonggak Kejayaan Ekonomi Ummah; Pengurusan Haji Terbilang PENGURUSAN PELABURAN I. Menjana Pendapatan Stabil dan Mampan 1. Strategi Pelaburan: Dari Pandemik ke Endemik 2. Pelaburan berpandukan Maqasid-ESG 3. Rangka Kerja Pelaburan yang Teguh 4. Sistem dan Analitik Pelaburan yang Lestari 5. Rejuvenasi Pelaburan dan Cipta Nilai 6. Pemerkasaan Sinergi Kumpulan dan Keterlibatan PENGURUSAN HAJI II. Mengekalkan Pengurusan Haji yang Terbilang 7. Memantapkan Perundangan & Tadbir Urus 8. Mengutamakan Keperluan Jemaah 9. Mengekalkan Perkhidmatan Haji Bertaraf Dunia 10. Memperkasakan Bimbingan Ibadat Haji 11. Mengekalkan Kualiti Perkhidmatan Haji dengan Kos yang Wajar PENGURUSAN DEPOSIT III. Penyampaian Perkhidmatan Efisien dan Pengalaman Pendeposit Terbaik 12. Pertumbuhan Deposit yang Stabil 13. Memperkayakan Penyampaian Perkhidmatan 14. Mempertingkat Pengalaman Digital MODAL INSAN IV. Organisasi Dipacu Bakat 15. Budaya Prestasi Tinggi 16. Pengurusan Bakat TH yang Cemerlang TADBIR URUS V. Institusi Islam Yang Dihormati di atas Tadbir Urus 17. Semakan Model Operasi TH 18. Semakan Akta TH 1995 19. Struktur Tadbir Urus TH - Pengawasan 20. Menjunjung Prinsip Syariah 21. Pengurusan Risiko yang Mantap 22. Kawalan Dalaman Yang Tangkas DIGITALISASI 23. Transformasi Digital – Menetapkan hala tuju dan asas bagi memacu agenda transformasi digital di TH KOMUNIKASI 24. Pelan Komunikasi Berstruktur - Membina kepercayaan dan keyakinan melalui pengurusan dan penetapan ekspektasi yang baik		🌳 ALAM SEKITAR » Perubahan Iklim dan Tenaga » Tanggungjawab Pemeliharaan Ekosistem SOSIAL » Kesihatan dan Kesejahteraan Pekerja » Kepelbagaian, Kesaksamaan dan Inklusif » Memperkaya Komuniti » Tarikan Bakat, Pertumbuhan dan Pengkalan TADBIR URUS » Kecemerlangan dan Pengurusan Perkhidmatan » Tadbir Urus dan Etika » Privasi Data dan Keselamatan Siber » Rantaian Bekalan yang Mampan » Pelaburan yang Mampan		💰 SAIZ DANA Disember 2024 RM91.75b (Disember 2023: RM89.01b) 📋 PENDAFTARAN HAJI Disember 2024 4.02j (Disember 2023: 3.94j) 💵 PENDEPOSIT Disember 2024 9.55j (Disember 2023: 9.15j) 💰 PENDAPATAN Disember 2024 RM3.87b (Disember 2023: RM3.56b) 📈 PENDAPATAN KESELURUHAN Disember 2024 RM4.65b (Disember 2023: RM4.29b) (termasuk pendapatan lain dan keuntungan penjualan instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (FVOCI)) 💰 LEBIHAN ASET BERBANDING LIABILITI Disember 2024 RM3.31b (Disember 2023: RM2.61b) 📊 HASIL PENDAPATAN KESELURUHAN Disember 2024 5.08% (Disember 2023: 4.89%)		🏦 KEWANGAN • Agihan Keuntungan RM2,916m (2023: RM2,714m) • Kadar Agihan Keuntungan 3.25% (2023: 3.10%) • Keuntungan Bersih RM2,214j (2023: RM2,330j) 🧠 INTELEKTUAL • Sedekah dalam talian: RM2.17j • TH Khairat: 31k transaksi sejak penubuhan • Aplikasi THhujaj: muat turun 27k dalam talian • Surat tawaran haji melalui THiJARI: 39k 🤝 HUBUNGAN & SOSIAL • Pendeposit: 50.5% daripada keseluruhan penduduk Islam Malaysia. (2023: 48.4%) • CSI di cawangan: 96.18% (2023: 99.91%) • CSI untuk jemaah haji: 92% (2023: 86%) • TH menerima Anugerah Labbaitom untuk Kategori Perkhidmatan yang Disediakan oleh Pejabat Urusan Haji 👤 INSAN • Pekerja dengan pensijilan profesional: 42 anggota • Kadar Employee Engagement Index: 88% • Kadar pengekalan pekerja: 6.59% 🏢 PERKHIDMATAN • Pengguna THiJARI 3.29j (2023: 2.69j) • Transaksi Kewangan Layan Diri: 28j (2023: 26j) 🌱 KELESTARIAN ALAM • Pengurangan Co2 sebanyak 19.7% • Penggunaan Elektrik: 3,765,944kWh		• Penerapan nilai Istito'ah. Seramai 263 jemaah haji membayar penuh atau melebihi bayaran haji yang dikenakan • Permohonan rayuan melalui THiJARI berjumlah 78k • Ciri baharu pada THiJARI - Tuntutan Hibah Amanah dan Tuntutan Pusaka • Anugerah Perantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (TH Khairat-Tabung Haji) di Malaysia Takaful Association Star Awards 2024 • Bayaran Zakat: RM97j (2023: RM107j) • Agihan Zakat Wakalah 2024 – RM29.6j memberi manfaat kepada hampir 600k penerima • Program Crowdfunding melalui Santunan Kasih Baitullah mengumpul RM2.24j • Malaysia's 100 Leading Graduate Employers Award 2024 (Tempat Kedua: Kategori GLIC) • Pengenalan kepada THHybrid • Transaksi ATM&CDM: 5.88j (2023: 5.07j) • Transaksi Uniteller: 0.26j (2023: 0.29j) • Transaksi Ejen Kutipan: 69k (2023: 84k) • 3 dari 17 bangunan TH mendapat penarafan <i>Building Energy Intensity</i> (BEI) 5 bintang	

LIBAT URUS PEMEGANG TARUH

STAKEHOLDER ENGAGEMENT

Dalam memastikan kejayaan dan kesinambungan **TH**, penglibatan daripada pemegang taruh memainkan peranan amat penting. **TH** komited untuk mengekalkan hubungan yang kukuh dan berkesan dengan semua pemegang taruh, merangkumi para pendeposit, warga kerja, komuniti, dan pihak berkuasa melalui pendekatan yang telus dan bertanggungjawab. **TH** berusaha memahami keperluan serta harapan mereka, sekali gus mengukuhkan kepercayaan dan sokongan yang diterima selama ini.

TH terus memperkasakan program libat urus dengan merangkumi inisiatif yang relevan dan bersesuaian dengan perkembangan semasa, memastikan setiap pandangan dan maklum balas pemegang taruh dihargai serta diintegrasikan dalam strategi pembangunan organisasi.

Stakeholder involvement is crucial to ensuring **TH**'s success and continuity. **TH** is dedicated to building strong and effective relationships with all stakeholders including depositors, employees, communities, and authorities-by taking a transparent and responsible approach. **TH** actively seeks to understand their needs and expectations, thereby reinforcing the trust and support it has built over the years.

TH continues to enhance its engagement programme with initiatives that are relevant to current developments, ensuring that each stakeholder's views and feedback are valued and incorporated into the organisation's growth strategy.

Strategi Penglibatan / Engagement Strategy

TH menggunakan beberapa pendekatan bagi memastikan penglibatan pemegang taruh melalui / **TH** utilises several stakeholder engagement approaches through:

Komunikasi Telus:

Kami percaya kemas kini berkala mengenai prestasi kewangan, strategi pelaburan, dan perubahan dalam polisi adalah penting. Ketelusan ini membina kepercayaan dan membantu pemegang taruh membuat keputusan yang tepat. Laporan tahunan, siaran media, laman web dan platform sosial media rasmi **TH** digunakan untuk menyebarkan maklumat secara meluas.

Transparent Communication:

We believe that regular updates on financial performance, investment strategy, and policy changes are important. This transparency builds trust and helps stakeholders make informed decisions. **TH**'s official annual reports, media releases, website and social media platforms are used to comprehensively disseminate information.



Mekanisme Maklum Balas:

TH secara berkala berusaha mendapatkan maklum balas daripada pendeposit dan komuniti melalui temubual, pertemuan kumpulan fokus, kunjungan kerja, tinjauan dan kaji selidik bagi membolehkan pemegang taruh menyuarkan pendapat dan kebimbangan mereka. Penglibatan ini membantu **TH** melakukan penambahbaikan dan meningkatkan perkhidmatan berdasarkan keperluan sebenar.

Feedback Mechanism:

TH regularly seeks feedback from depositors and the community through interviews, focus group meetings, work visits, reviews and surveys to enable stakeholders to voice their opinions and concerns. This involvement helps **TH** improve and upgrade services based on real needs.



Inisiatif Pendidikan:

TH melaksanakan pelbagai program pendidikan bagi memperkasa para pemegang taruh. Antaranya, kursus haji untuk bakal haji dan bengkel celik kewangan untuk pelajar telah diadakan bagi mendidik golongan sasaran. Program-program ini bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan peserta serta mengukuhkan hubungan dengan mereka.

Education Initiatives:

TH implements various educational programmes to empower its stakeholders. Among these are hajj courses for prospective pilgrims and financial literacy workshops for students, which have been conducted to educate the target groups. These programmes aim to enhance participants' knowledge and strengthen relationships with them.



LIBAT URUS PEMEGANG TARUH

STAKEHOLDER ENGAGEMENT

Manfaat Penglibatan Pemegang Taruh / Benefits of Stakeholder Engagement

Melibatkan pemegang taruh memberi pelbagai manfaat kepada **TH** antaranya / Engaging stakeholders provides various benefits to **TH** including:

 Meningkatkan Kepercayaan dan Kesetiaan Increase Trust and Loyalty	Dengan mendengar dan memahami kebimbangan pemegang taruh secara aktif, TH dapat membina kesetiaan di kalangan pendeposit dan komuniti yang lebih luas. By actively listening and understanding stakeholders' concerns, TH is able to build loyalty among depositors and the wider community.
 Membuat Keputusan yang Berinformasi Make Informed Decisions	Maklum balas pemegang taruh membolehkan TH membuat keputusan yang berinformasi yang mencerminkan keperluan dan aspirasi mereka terhadap TH . Stakeholder feedback enables TH to make informed decisions that reflect their needs and aspirations for TH .
 Meningkatkan Reputasi Strengthen Reputation	Komitmen terhadap ketelusan dan akauntabiliti meningkatkan reputasi TH dan menarik lebih banyak sokongan serta pendeposit baharu. Commitment to transparency and accountability enhances TH 's reputation and attracts more support and new depositors.
 Pertumbuhan Mampan Sustainable Growth	Dengan menyelaraskan strategi TH dengan kepentingan pemegang taruh, TH dapat memastikan pertumbuhan yang mampan, yang akhirnya memberi manfaat kepada komuniti Muslim Malaysia. By aligning TH 's strategy with stakeholders' interests, TH can ensure sustainable growth, which ultimately benefits the Malaysian Muslim community.

Kumpulan Pemegang Taruh **TH**

TH mengklasifikasikan pemegang taruh kepada tiga (3) kumpulan utama, dengan setiap kumpulan mewakili hubungan strategik yang perlu diurus secara berkesan bagi mencapai objektif bersama:

TH Stakeholder Group

TH classifies stakeholders into three (3) main groups, with each group representing strategic relationships that need to be effectively managed to achieve common objectives:

1



Kumpulan / Group 1:
Pendeposit & Jemaah Haji, Konsultan & Pembekal, Syarikat-syarikat Subsidiari dan Bersekutu, Badan Korporat & Sektor Swasta
Depositors & Hajj Pilgrims, Consultants & Suppliers, Subsidiary & Associate Companies, Corporate Bodies & Private Sector

Kumpulan ini merangkumi pihak yang mempunyai hubungan terus dengan perkhidmatan dan operasi **TH**, termasuk pendeposit serta jemaah haji yang menjadi pengguna utama, serta konsultan, pembekal, dan rakan korporat yang menyokong aktiviti dan perkhidmatan **TH**.

This group includes parties that have a direct relationship with **TH**'s services and operations, including depositors and pilgrims who are the main users, as well as consultants, suppliers, and corporate partners who support **TH**'s activities and services.



Antara platform pertemuan bersama kumpulan ini adalah melalui komunikasi di media sosial, kursus-kursus haji, pertemuan di pejabat cawangan **TH**, acara-acara dan aktiviti berkaitan haji serta mesyuarat dan perbincangan yang kerap.
Among the engagement platforms for this group are communications on social media, hajj courses, meetings at **TH** branch offices, events and activities related to hajj as well as frequent meetings and discussions.

2



Kumpulan / Group 2:

Badan Kerajaan & Badan Bukan Kerajaan (NGO), Komuniti, Rakan Media

Government Agencies & Non-Governmental Organisations (NGOs), Communities, Media Partners

Kumpulan ini melibatkan pihak berkuasa, Badan Bukan Kerajaan (NGO), dan masyarakat setempat yang memainkan peranan penting dalam menyokong dan memperkukuhkan reputasi serta kedudukan **TH** di peringkat nasional dan antarabangsa. Selain itu, rakan media membantu dalam menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat.

Kerjasama rapat dengan agensi kerajaan memastikan **TH** mematuhi peraturan sambil menyumbang kepada matlamat negara. Perkongsian ini adalah penting untuk mengekalkan kredibiliti dan keberkesanan **TH**.

This group involves authorities, non-governmental organisations (NGOs), and local communities who play an important role in supporting and strengthening **TH**'s reputation and position at national and international levels. In addition, media partners help in delivering accurate information to the community.

Strong collaboration with government agencies ensures that **TH** complies with regulations while contributing to national goals. This partnership is essential to maintain the credibility and effectiveness of **TH**.



Antara platform pertemuan bagi kumpulan ini adalah melalui mesyuarat dan perbincangan yang kerap, majlis-majlis korporat, kolaborasi inisiatif CSR Zakat Wakalah, pertemuan bersama badan-badan berkuasa di Tanah Air dan Tanah Suci, kursus-kursus haji, program sukarelawan, siaran akhbar, wawancara, lawatan rasmi.

Among the engagement platforms for this group are frequent meetings and discussions, corporate events, collaboration on Zakat Wakalah CSR initiatives, meetings with authorities in the Homeland and the Holy Land, hajj courses, volunteer programmes, press releases, interviews, official visits.

Media merupakan antara pemegang taruh terpenting **TH** dan hubungan kukuh dengan rakan-rakan media membolehkan **TH** menyampaikan maklumat terkini secara berkesan, khususnya kepada para pendeposit dan jemaah haji, terutamanya semasa musim haji. Media juga memainkan peranan penting dalam mengekalkan imej positif **TH**, yang secara langsung meningkatkan kepercayaan dan keyakinan terhadap organisasi ini.

Pada tahun 2024, **TH** memberi keutamaan kepada pengukuhan kerjasama strategik sedia ada bersama media dengan menganjurkan lawatan kerja ke rangkaian agensi media tempatan antaranya Harian Metro dan Sinar Harian yang turut melibatkan Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif serta Barisan Pengurusan. Selain itu, cawangan **TH** di Sabah dan Sarawak turut terlibat dalam aktiviti bersama media, di mana pada tahun ini satu aktiviti 'Amazing Race' telah diadakan di Sabah dan perlawanan boling persahabatan telah dianjurkan di Sarawak, melibatkan pelbagai agensi termasuk RTM Sabah, Harian Metro Sabah, Borneo Post, BERNAMA Sabah, Utusan Borneo, TV Sarawak, Cats FM, Suara Sarawak dan New Sarawak Tribute.

The media is one of **TH**'s most important stakeholders, and solid partnership with media partners enable **TH** to effectively deliver timely information, especially to depositors and pilgrims during the Hajj season. The media also plays a vital role in maintaining **TH**'s positive image, which directly boosts public trust and confidence in the organisation.

In 2024, **TH** prioritised the strengthening of existing strategic cooperation with local media agencies by organising a media visit to Harian Metro and Sinar Harian which also involved the Group Managing Director and Chief Executive Officer of **TH** as well as the Management Team. Additionally, **TH** branches in Sabah and Sarawak actively engaged in media activities, with Sabah hosting an "Amazing Race" event and Sarawak organising a friendly bowling match. Both activities included agencies such as RTM Sabah, Harian Metro Sabah, Borneo Post, BERNAMA Sabah, Utusan Borneo, TV Sarawak, Cats FM, Suara Sarawak and New Sarawak Tribute.

LIBAT URUS PEMEGANG TARUH STAKEHOLDER ENGAGEMENT

Setiap tahun, **TH** membawa sekumpulan wakil media ke Tanah Suci sebagai sebahagian daripada Pasukan Media Haji **TH**. Pada tahun 2024, 14 wakil media dari lapan (8) agensi yang berbeza telah ditugaskan untuk membuat liputan mengenai Operasi Haji **TH** serta berkongsi cerita berkaitan para jemaah haji. Inisiatif ini telah memupuk hubungan yang erat antara media dan **TH**.

Each year, **TH** brings a team of media representatives to the Holy Land as part of the **TH** Hajj Media Team. In 2024, 14 media representatives from eight (8) different agencies were assigned to cover **TH**'s hajj operations and share color stories about the pilgrims. This initiative has fostered strong relationships between the media and **TH**.

3



Kumpulan / Group 3:

Warga Kerja (Anggota Lembaga, Warga Kerja)

Employees (The Lembaga, Employees)

Kumpulan ini terdiri daripada semua warga **TH**, termasuk anggota Lembaga dan warga kerja **TH** yang menjadi tulang belakang kepada pencapaian dan kejayaan organisasi ini. Penglibatan aktif dan komitmen warga kerja ini penting dalam memastikan visi dan misi **TH** dapat dicapai.

Warga kerja **TH** terlibat dengan pelbagai program latihan, pembangunan, dan budaya tempat kerja yang inklusif. Maklum balas daripada warga **TH** juga dikumpul untuk memperbaiki amalan organisasi, memastikan mereka sentiasa rasa dihargai dan selaras dengan misi **TH**.

This group includes all Lembaga members and **TH** employees, who are the backbone of the organisation's achievements and success. The active involvement and commitment of these employees are important in ensuring that **TH**'s vision and mission can be achieved.

Employees are engaged through training programmes, development, and an inclusive workplace culture. Feedback from **TH** members is sought to improve organisational practices, ensuring that they feel valued and aligned with **TH**'s mission.



Platform pertemuan adalah melalui sesi Townhall, e-Buletin, perbincangan kumpulan fokus, aktiviti-aktiviti dianjurkan oleh anjuran Jabatan Modal Insan serta tinjauan dan penyelidikan.

Engagement platforms are Townhall sessions, e-Bulletins, focus group discussions, activities organised by the Human Capital Department as well as surveys and research.



Melalui strategi libat urus yang efektif untuk setiap kumpulan pemegang taruh ini, **TH** meneruskan komitmen untuk membina hubungan yang berteraskan kepercayaan, keterbukaan, dan kerjasama berpanjangan demi kesinambungan dan kelestarian **TH**.

Pendekatan **TH** dalam melibatkan pemegang taruh adalah bukti komitmen kami terhadap ketelusan, akauntabiliti, dan penambahbaikan perkhidmatan. Dengan melibatkan pelbagai pemegang taruh secara aktif, kami tidak hanya meningkatkan keberkesanan operasi tetapi juga memastikan **TH** kekal sebagai pengurus dana umat Islam negara yang dipercayai dengan reputasi baik. Ketika berdepan cabaran dalam landskap kewangan yang dinamik, dedikasi **TH** terhadap penglibatan pemegang taruh dipercayai akan menjadi kunci kepada kejayaan dan memberi impak positif yang berterusan.

Through an effective engagement strategy for each stakeholder group, **TH** continues its commitment towards building relationships based on trust, openness, and long-term cooperation for the sake of **TH's** continuity and sustainability.

TH's approach regarding stakeholder involvement is proof of our commitment to transparency, accountability, and service improvement. By actively involving various stakeholders, we not only increase the effectiveness of operations but also ensure that **TH** remains a trusted and reputable fund manager for the country's Muslim community. When faced with challenges in a dynamic financial landscape, **TH's** dedication to stakeholder engagement is believed to be the key to success and provides a continuous positive impact.



Dalam Bahagian Ini: In this Section:

- 22 Perutusan Pengerusi
[Chairman's Statement](#)
- 28 Lembaga Pengarah
[The Lembaga](#)
- 30 Profil Lembaga
[The Lembaga Profile](#)
- 40 Panel Pelaburan
[Investment Panel](#)
- 42 Profil Panel Pelaburan
[Investment Panel Profile](#)
- 50 Jawatankuasa Penasihat Syariah
[Shariah Advisory Committee](#)
- 51 Profil Jawatankuasa Penasihat Syariah
[Shariah Advisory Committee Profile](#)
- 58 Carta Organisasi
[Organisation Chart](#)



PENGURUSAN HAJI

HAJJ MANAGEMENT



PERUTUSAN Pengerusi

CHAIRMAN'S STATEMENT

TAN SRI ABDUL RASHID HUSSAIN

Pengerusi
Chairman





ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Segala puji hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat-sahabat Baginda.

In the name of Allah, The Most Gracious and The Most Merciful. All praise be to Allah SWT, salutations, peace and blessings upon our Prophet Muhammad SAW, his families and companions.

Bagi pihak Lembaga, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Tabung Haji (TH) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 (TK2024).

TK2024 menandakan tamatnya Pelan HIJRAH24 kami, satu pelan hala tuju yang telah memandu TH melalui tempoh transformasi, cabaran, dan pencapaian, dalam perjalanan memastikan kedudukan sebagai institusi Islam contoh yang unggul.

Ekonomi domestik dan global terus mengharungi situasi tidak menentu, yang banyak menguji daya tahan kami. Ketidakpastian geopolitik dan risiko perubahan iklim, kekal sebagai faktor penting yang mempengaruhi pasaran kewangan global. Dinamik ini telah membentuk peluang pelaburan, mendorong perniagaan seperti TH untuk lebih berhati-hati dan memberi tumpuan kepada pertumbuhan portfolio yang mampan dan pelbagai. Walaupun berdepan dengan cabaran ini, TH tetap komited untuk memberi nilai kepada pemegang taruh, menghasilkan keputusan yang kukuh untuk tahun kewangan 2024 (TK2024).

On behalf of the Lembaga, I am pleased to present the Lembaga Tabung Haji (TH) Annual Report for the financial year ended 31 December 2024 (FY2024).

FY2024 marked the culmination of our HIJRAH24 Plan, a roadmap that has guided TH through a period of transformation, challenges, and achievements, in our journey towards sustaining our lead as an exemplary Islamic institution.

As both domestic and global economies continue to navigate uncertain terrain, this year has tested our resilience. Geopolitical tensions and climate risks continue to influence financial markets worldwide. These factors shape investment opportunities, encouraging businesses like TH to proceed with caution while focusing on sustainable and diversified portfolio growth. Despite these challenges, TH has remained persistent in its commitment to delivering value to our stakeholders, resulting in a strong performance for financial year 2024 (FY2024).



Peningkatan Bilangan Pendeposit Kepada Increased Number of Depositors To

9.55 juta / million

2023: 9.15 juta / million



2024 Lebih Daripada / More Than

670,000

penerima mendapat manfaat daripada program Zakat Wakalah TH recipients benefitted from TH Zakat Wakalah programmes



Prestasi Kewangan Positif Positive Financial Performance

RM4.65

billion / billion



PERUTUSAN Pengerusi CHAIRMAN'S STATEMENT

Kejayaan ini adalah hasil komitmen tidak berbelah bahagi terhadap mandat dua hala kami di bawah Seksyen 4 Akta Tabung Haji 1995 - untuk mentadbir dana dengan berhati-hati (Seksyen 4(a)) dan untuk menguruskan semua perkara berkaitan kebajikan jemaah haji (Seksyen 4(b)). Ia merupakan pegangan teguh kami yang membolehkan **TH** memenuhi peranannya sebagai institusi yang dipercayai dalam menyantuni ummah.

MENDOKONG PERANAN LEMBAGA DENGAN TADBIR URUS YANG BERKESAN

Kekuatan rangka kerja kepimpinan dan tadbir urus **TH** telah memainkan peranan penting dalam mengharungi tahun yang mencabar ini. Disokong oleh budaya akauntabiliti dan penambahbaikan berterusan, kami bekerjasama dengan efektif sebagai satu pasukan, memacu pertumbuhan dan kesiapsiagaan untuk masa depan.

Pada TK2024, Lembaga **TH** mempertingkatkan fokus kepada kemampanan dan pengurusan risiko, dengan menanamkan prinsip-prinsip ini dalam proses membuat keputusan di seluruh organisasi. Menyedari pentingnya kepelbagaian kepakaran, kami mengalu-alukan beberapa tokoh ke Lembaga:

- » Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar, yang memiliki lebih 30 tahun pengalaman dalam perkhidmatan awam, membawa bersama pengalaman beliau sebagai Ketua Setiausaha Kerajaan.
- » Datuk Nik Hasyudeen Yusof dan Puan Nor Adila Ismail, keduanya disegani dalam tadbir urus dan pengurusan risiko, mampu memperkukuh lagi keupayaan **TH** dalam memupuk budaya risiko yang kukuh.

Pelantikan ini mencerminkan komitmen kami untuk memastikan kepelbagaian perspektif dan kemahiran dalam Lembaga, bagi membolehkan pembuatan keputusan yang lebih berkesan ketika merancang hala tuju masa depan **TH**.

PRESTASI KEWANGAN POSITIF

Dalam menghadapi keadaan ekonomi global yang tidak menentu, kami bersyukur ke hadrat Allah SWT atas kurnia-Nya, yang membolehkan **TH** mencatat prestasi kewangan positif dengan pendapatan keseluruhan sebanyak RM4.65 bilion dan keuntungan bersih selepas zakat sebanyak RM2.21 bilion untuk TK2024.

Keyakinan pendeposit terhadap **TH** jelas dilihat daripada peningkatan bilangan pendeposit kepada 9.55 juta berbanding 9.15 juta pada 2023, manakala dana pendeposit menunjukkan peningkatan kepada RM91.75 bilion berbanding RM89.01 bilion pada tahun sebelumnya.

This success stems from our unwavering commitment to our dual mandate under Section 4 of the Tabung Haji Act, 1995 - to administer the fund prudently (Section 4(a)) and to manage all matters related to the welfare of pilgrims (Section 4(b)). Our dedication to this purpose has enabled **TH** to fulfil its role as the trusted institution serving the ummah.

UPHOLDING THE BOARD'S ROLE WITH EFFECTIVE GOVERNANCE

The strength of **TH's** leadership and governance framework has been crucial in navigating this pivotal year. Supported by a culture of accountability and continuous improvement, we collaborate effectively as a team, driving both our growth and readiness for the future.

In FY2024, **TH's** Lembaga intensified the focus on sustainability and risk management, embedding these principles into decision-making processes across the organisation. Recognising the importance of diverse expertise, we welcomed several distinguished leaders to the Lembaga:


- » Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar, with over 30 years of public service, brings unparalleled experience as Chief Secretary to the Government.
- » Datuk Nik Hasyudeen Yusof and Puan Nor Adila Ismail, both respected leaders in governance and risk management, further strengthen **TH's** ability to foster a robust risk culture.

These appointments reflect our commitment to ensuring a diversity of skills and perspectives on the Lembaga, enabling more effective decision-making as we chart **TH's** future path.

POSITIVE FINANCIAL PERFORMANCE

In the face of uncertain global economic conditions, we extend our gratitude to Allah SWT for His benevolence, which enabled **TH** to record a positive financial performance with an overall income of RM4.65 billion and net profit after zakat of RM2.21 billion for FY2024.

Depositors' confidence towards **TH** was clearly seen from the increased number of depositors to 9.55 million from 9.15 million in 2023, while depositors' funds showed an increase to RM91.75 billion from RM89.01 billion the year before.



Pendapatan keseluruhan **TH** sepanjang TK2024 dihasilkan daripada pelbagai sumber yang terdiri daripada Sekuriti Pendapatan Tetap yang menyumbang sebanyak 50 peratus, Pelaburan Ekuiti sebanyak 35 peratus, Hartanah sebanyak 10 peratus dan 5 peratus daripada Pasaran Wang Islam.

MEMBANTU MELALUI ZAKAT DAN CSR

Di **TH**, komitmen kami untuk membantu sosioekonomi ummah melangkaui pengurusan haji, iaitu melalui sumbangan dan program-program zakat Wakalah.

TH membayar RM99.35 juta zakat bagi pihak pendeposit ke semua majlis agama negeri. Pada 2024, lebih daripada 670,000 penerima mendapat manfaat daripada program zakat Wakalah kami, yang memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama: Pendidikan, Kesihatan & Komuniti, dan Keusahawanan. Sebanyak 16 program utama seperti Iqra', A'fiat, Mobiliti, Ikhtiar, Ehsan, dan Baiti telah dilaksanakan, dengan agihan zakat Wakalah melebihi RM29.60 juta.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan kami dalam mengurangkan jurang sosial dan memperkasakan komuniti.

TAHUN YANG AKAN DATANG

Memasuki tahun 2025, kami optimis namun kekal berhati-hati tentang masa depan. Walaupun perubahan ekonomi dijangka berterusan, kami yakin bahawa visi strategik, infrastruktur yang kukuh, dan dedikasi **TH** terhadap kecemerlangan akan terus memacu kejayaan.

Matlamat strategik kami bagi 2025–2027 bertujuan untuk meremajakan imej **TH**, mempertingkatkan pengurusan haji melalui perkhidmatan bernilai tambah, sistem giliran dan rayuan yang lebih cekap, memodenkan keupayaan digital dan menyatukan tenaga kerja yang berdedikasi bagi mencapai sasaran yang lebih tinggi. Lebih daripada itu, **TH** tekad untuk terus menangani isu-isu utama dan memegang kuat mandat kami demi memelihara kepercayaan yang diberikan oleh umat Islam Malaysia.

TH's overall income for FY2024 was generated from various sources comprising Fixed Income Securities which contributes 50 per cent, Equity Investment at 35 per cent, Real Estates at 10 per cent, and 5 per cent from Islamic Money Market Instruments.

GIVING BACK THROUGH ZAKAT AND CSR

At **TH**, our commitment to the socioeconomic state of the ummah extends beyond hajj management to include significant zakat contributions and zakat Wakalah programmes.

TH provides RM99.35 million as zakat contribution on behalf of depositors to all state religious authorities. In 2024, more than 670,000 recipients benefitted from our zakat Wakalah programmes, which focus on three (3) key pillars: Education, Health and Community, and Entrepreneurship. A total of 16 major programmes such as Iqra', A'fiat, Mobiliti, Ikhtiar, Ehsan, and Baiti were implemented, with zakat Wakalah distribution totalling RM29.60 million.

These efforts reflect our ongoing commitment to alleviating social statuses and empowering communities.

THE YEAR AHEAD

As we enter 2025, we remain cautiously optimistic about the future. While economic fluctuations are expected to persist, we are confident that **TH's** strategic vision, robust infrastructure, and dedication to excellence will continue to drive success.

Our 2025–2027 strategic goals aim to rejuvenate **TH's** image, enhance hajj management through value-added services and a more efficient queue and appeal system, modernise our digital capabilities, and rally our dedicated workforce to meet ambitious targets. Above all, **TH** will continue to address and resolve key issues, ensuring we remain true to our mandate and uphold the trust placed in us by Malaysian Muslims.

PERUTUSAN Pengerusi CHAIRMAN'S STATEMENT



PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, atas sokongan berterusan terhadap **TH**. Kami juga sangat berterima kasih kepada YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), atas sokongan tidak berbelah bahagi dan nasihat bernas dalam membantu kami mengemudi **TH** ke arah kecemerlangan.

Ucapan terima kasih juga kepada para pendeposit dan bakal-bakal jemaah haji atas kesetiaan dan sokongan kepada **TH**. Kepercayaan anda telah membolehkan kami menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan di Lembaga atas dedikasi dan komitmen mereka yang tidak goyah dalam memacu aspirasi **TH** ke hadapan, mengatasi cabaran dengan penuh tekad dan kesungguhan.

Kepada barisan Pengurusan dan semua warga kerja, terima kasih atas kerja keras dan dedikasi anda. Dengan kerjasama yang kukuh dan pelan masa depan yang mampan, saya yakin **TH** akan terus mencapai kecemerlangan pada tahun-tahun akan datang, Insha-Allah.



IN APPRECIATION

On behalf of the Lembaga, I would like to express our sincere gratitude to the Government of Malaysia, under the leadership of the Honourable Prime Minister, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, for their continued support of **TH**. We are also deeply grateful to YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Haji Mokhtar, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), whose support, and insightful advice have been invaluable in guiding **TH** towards excellence.

We extend our heartfelt appreciation to all our loyal depositors and prospective Hajj pilgrims for your trust and support in **TH**. Your continuous confidence enables us to fulfil our responsibilities to the best of our abilities.

I would also like to express my heartfelt appreciation to my fellow members of the Lembaga for their unwavering dedication and commitment in driving **TH's** aspirations forward, overcoming challenges with resilience and determination.

To the Management team and staff, thank you for your hard work and dedication. With strong teamwork and a robust, sustainable plan for the future, I am confident that **TH** will continue to achieve outstanding results in the years ahead, Insha-Allah.

Tan Sri Abdul Rashid Hussain

Pengerusi
Chairman



LEMBAGA PENGARAH THE LEMBAGA



kiri ke kanan / left to right:

Tan Sri Abdul Rashid Hussain, Datuk Syed Hamadah Syed Othman, Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Dato' Zamzuri Abdul Aziz, Profesor Dr. Ashraf Md Hashim dan / and Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed



kiri ke kanan / left to right:

Datin Paduka Kartini Abdul Manaf, Asril Rahman Abdul Hadi, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, Nor Adila binti Ismail, Ir Abd Mokhti Salleh (Tamat Perkhidmatan / [Service Completed](#): 31.10.2024), Datuk Awang Alik Jeman (Tamat Perkhidmatan / [Service Completed](#): 04.09.2024) dan / and Dr. Mohd Faisal Mustaffa (Tamat Perkhidmatan / [Service Completed](#): 17.08.2024)

PROFIL LEMBAGA

THE LEMBAGA PROFILE



**TAN SRI ABDUL
RASHID HUSSAIN**

Pengerusi
Chairman

Tarikh Lantikan
Date of Appointment
20.12.2023

KELAYAKAN PROFESIONAL/AKADEMIK

- » Ijazah Kehormat Doktor Perniagaan, Universiti Terbuka Wawasan Malaysia
- » The Stock Exchange Examination, United Kingdom

PENGALAMAN PROFESIONAL

Semasa

- » Pengerusi Arah Advisory Services Sdn Bhd
- » Ahli Pengasas dan Pengerusi Yayasan Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia
- » Ahli Jawatankuasa Penasihat Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2025-2035, Kementerian Pendidikan Tinggi
- » Pro-Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- » Ahli Lembaga Gabenor, Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran, Pengerusi Jawatankuasa Semakan Perlembagaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dahulu

- » Pengasas Kumpulan RHB
- » Ahli Jawatankuasa Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat Lembaga Tabung Haji (Januari 2022 – Julai 2022)
- » Pengerusi, Jawatankuasa Eksekutif Khazanah Nasional Berhad
- » Pengerusi, Putrajaya Holdings Sdn Bhd
In addition, the industrial area within the township known as Techpark@Enstek with a total area of 1,750 acres is divided into three phases and is among the first industrial parks accredited with Halal Malaysia (HALMAS) status in June 2010 and is among the biggest Halal Park in Malaysia. Techpark@Enstek is the home for a number of international and local brands, namely Kellanova Malaysia, Ajinomoto, Coca-cola, Dutch Lady, Farm Fresh etc. Halal industry players facilities in the HALMAS status park are eligible for incentives given by Halal Industry Development Corporation (HDC) including Income Tax Exemption and Import Duty Exemption.

In November 2023, the Group launched the latest phase of Techpark@Enstek, which covers 616.64 acres of freehold land, following the success of its previous two (2) phases.

Beyond Bandar Enstek, the Group is also developing Warisan Puteri 2, an integrated township in Sepang covering 98.43 acres. Strategically located with convenient access to major highways, including the LEKAS and PLU, Warisan Puteri 2 is designed to offer a well-connected and thriving community. To date, more than 24.78 per cent of this township has been developed, contributing to the Group's expanding portfolio of sustainable and well-planned developments.

High Rise Property Development

The Group has completed building and infrastructure projects above RM1 billion in value, including the country's leading commercial development on wakaf land, the 34-storey Menara Bank Islam in the Golden Triangle of Kuala Lumpur. The track record of TH Prop Group includes major property developments such as the construction of Kompleks Islam Putrajaya, serving as an administrative centre for agencies under JAKIM.

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

Padang@Kota Semarak, projek pembangunan berbilang tingkat pertama oleh 59 Inc. Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama dengan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), terletak di atas tanah utama seluas 27 ekar. Padang@Kota Semarak menawarkan kediaman serta ruang komersial yang eksklusif dan bakal menjadi lokasi pilihan bagi golongan urban, hanya 5km dari KLCC dan dengan akses mudah ke DUKE.

Para pemilik akan menikmati pelbagai kemudahan bertaraf dunia dengan pusat membeli-belah terkenal seperti Suria KLCC, Pavilion Kuala Lumpur dan Sunway Putra Mall yang berdekatan. Kemudahan lain termasuk Setapak Golf Range, Institut Jantung Negara, Hospital Kuala Lumpur, Columbia Asia dan Royal Selangor Club, serta restoran, stesen minyak, bank, dan tempat ibadat.

Pengurusan Fasiliti

Bahagian Pengurusan Fasiliti yang terdiri daripada THP Services Sdn. Bhd. ("THPS"), TH Universal Builders Sdn. Bhd. ("THUB"), dan THP Utara Facilities Sdn. Bhd. ("THPUF") ditubuhkan bagi memastikan semua aset di bawah seliaannya diuruskan dan diselenggara mengikut standard bertaraf dunia. Kumpulan ini menyasarkan untuk menjadi antara tiga pemain pasaran utama menjelang tahun 2029, dengan keutamaan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pemegang kepentingan dan pelanggan di dalam serta luar negara.



Padang@Kota Semarak, its maiden high-rise mixed development project by 59 Inc. Sdn Bhd, a joint-venture company with Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), is strategically located on a 27-acre stretch of prime land. Padang@Kota Semarak comprising distinguished residences and commercial spaces, envisaged to be the next address of choice for urban dwellers with just 5km away from the iconic KLCC and easy access to/from DUKE.

Residents will be spoilt for choice with the abundance of facilities and amenities surrounding the development, with world class shopping malls such as Suria KLCC, Pavilion Kuala Lumpur and Sunway Putra Mall are within close proximity. Other famous amenities nearby include Setapak Golf Range, National Heart Institute, Kuala Lumpur Hospital, Columbia Asia and Royal Selangor Club. There are also many eateries, convenience stores, petrol stations, banks and places of worship as well in the area.

Facilities Management

The Facilities Management Division consisting of THP Services Sdn. Bhd. ("THPS"), TH Universal Builders Sdn. Bhd. ("THUB") and THP Utara Facilities Sdn. Bhd. ("THPUF") was established to ensure that all assets under its jurisdiction are managed and maintained to world-class standards and become the top three market players by the year 2029, its priority is to serve the interests of its various stakeholders and clients locally and internationally.



Sejak penubuhannya, Bahagian Pengurusan Fasiliti telah mengurus lebih daripada 14 juta kaki persegi ruang pejabat, ruang komersial dan hotel di seluruh Malaysia. Dengan visi untuk menerajui industri pengurusan fasiliti di Malaysia, bahagian ini telah berjaya memperoleh pelbagai kontrak pengurusan fasiliti di seluruh negara, termasuk Kompleks C dan F di Pusat Pentadbiran Persekutuan, Putrajaya, Kompleks Islam Putrajaya, Menara NU Sentral, KL Sentral, Menara Mercu 3 di KL Eco City, dan banyak lagi.

Selain daripada saiz buku pesanan yang sihat sebanyak RM1.73 billion, operasi bahagian ini diperkukuhkan dengan pembaharuan kontrak yang kukuh. Pemantauan operasi dijalankan melalui aplikasi i-MANS, penyelesaian pintar berasaskan awan yang diperkenalkan sejak Mei 2023 bagi mengurus operasi dan penyelenggaraan fasiliti dengan lebih cekap.

Kumpulan TH Prop beraspirasi untuk terus memaksimumkan potensi pembangunan dengan meningkatkan nilai aset tanah dan hartanah **TH** yang sedia ada, memperluaskan perniagaan Pengurusan Fasiliti, serta meneroka peluang dalam konsesi jangka sederhana dan panjang dengan pihak kerajaan.

PERKHIDMATAN SOKONGAN MARIN

Pada 2024, **TH** Marine mengekalkan peranan utamanya dalam industri sokongan marin bagi sektor Minyak dan Gas Malaysia, meneruskan pemilikan dan pengendalian Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV). Walaupun dalam ketidaktentuan industri dan cabaran ekonomi global, Syarikat kekal berdaya tahan, memanfaatkan kecekapan operasi dan perkongsian strategiknya dalam mengemudi lanskap pasaran yang kian berkembang.

Sambil mengekalkan trajektori pemulihan pasca-pandemik, sektor Minyak & Gas menyaksikan kerumitan pasaran yang makin meningkat pada tahun 2024. Turun naik harga minyak dalam julat yang lebih luas, melebihi USD90 mencerminkan ketegangan geopolitik dunia dan tekanan peralihan tenaga. Di sebalik faktor-faktor ini, permintaan untuk kapal sokongan luar pesisir kekal stabil, didorong oleh aktiviti penerokaan luar pesisir yang berterusan di Malaysia dan Asia Tenggara.

Since its establishment, the Facility Management Division has managed over 14 million square feet of office space, commercial space, and hotels across Malaysia. With a vision to lead the facility management industry in Malaysia, the division has successfully secured various facility management contracts nationwide, including Complex C and F in the Federal Administrative Centre, Putrajaya, Kompleks Islam Putrajaya, Menara NU Sentral, KL Sentral, Menara Mercu 3 in KL Eco City, and many more.

Aside from its healthy order book size of RM1.73 billion, the division's operations are underpinned by the strong renewal of its new contracts. The monitoring is done through i-MANS application, a Cloud-based smart solutions to efficiently manage the complete operation and maintenance work of the facilities operation since May 2023.

Moving forward, TH Prop Group aspires to continue maximising development potential by enhancing value from **TH's** existing land and property assets, expansion of Facility Management business as well as expanding its footprint and into medium to long-term Government concessions.

MARINE SUPPORT SERVICES

In 2024, **TH** Marine sustained its vital role in Malaysia's Oil & Gas marine support industry, continuing to own and operate a fleet of Offshore Support Vessels (OSV). Despite persistent industry volatility and global economic challenges, the company remained resilient, leveraging both its operational efficiency and strategic partnerships to navigate an evolving market landscape.

The Oil & Gas sector, while maintaining its post-pandemic recovery trajectory, saw heightened market complexities in 2024. Oil prices fluctuated within a broader range, often exceeding USD 90 reflecting global geopolitical tensions and energy transition pressures. In spite of these factors, the demand for offshore support vessels remained steady, driven by continued offshore exploration activities in Malaysia and Southeast Asia.

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

Prestasi **TH** Marine pada 2024 mencerminkan permintaan yang stabil ini. Dengan kejayaan mengurus kapal-kapal dan maklumbalas pantas mengikut kehendak pasaran, Syarikat mengekalkan kadar penggunaan keseluruhan kapal-kapalnya. Pasaran untuk OSV menyaksikan peningkatan secara beransur-ansur pada Kadar Penyewaan Harian (DCR) di mana kekurangan bekalan yang bermula pada 2023 berterusan sehingga 2024. **TH** Marine memanfaatkan situasi pasaran yang menggalakkan ini bagi mendapatkan kontrak jangka panjang, memastikan penjanaan pendapatan yang dijangka.

Kesihatan kewangan **TH** Marine pada tahun 2024 melambangkan kejayaan operasinya. Berikutan keuntungan bersih pertama yang dicatatkan sejak beberapa tahun pada 2023, Syarikat meneruskan momentum kejayaan dengan mencapai keuntungan sebanyak RM135.6 juta. Ini disokong dengan pengurusan kos berdisiplin dan peningkatan kecekapan penggunaan kapal, yang memacu keuntungan lebih kukuh merentas hasil pendapatan utama.

Keadaan Kewangan yang sihat ini juga dibantu oleh penstrukturan strategik **TH** Marine, termasuk pelantikan Pengurus kapal yang baharu, penjualan empat (4) unit daripada siri 5,000 bhp dan jaminan pemilikan siri 12,000 bhp. Usaha ini, bersama-sama dengan fokus lebih berhati-hati dalam mengoptimalkan aset telah memberi peluang kepada Syarikat untuk mengukuhkan kedudukan dalam pasaran yang memulih tetapi kompetitif.

Prospek untuk **TH** Marine kekal positif. Peralihan global ke arah peralihan tenaga membuka ruang baharu dalam tenaga boleh diperbaharui luar pesisir dan ketika Minyak & Gas kekal sebagai asas perniagaan, **TH** Marine giat meneroka peluang dalam sektor setara. Apabila permintaan untuk kapal yang lebih canggih meningkat, **TH** Marine akan memberi tumpuan dalam mengekalkan fleksibiliti kapal-kapal bagi memenuhi keperluan pasaran yang berkembang.

2024 merupakan tahun penyatuan dan momentum ke hadapan untuk **TH** Marine. Syarikat bukan sahaja mengekalkan kekuatan operasi malah mengambil langkah berani dalam posisi pertumbuhan masa depan di sebalik keadaan pasaran yang tidak menentu. Melangkah ke hadapan, **TH** Marine kekal komited untuk terus memberi nilai melalui halatuju strategik, kecemerlangan operasi dan pendekatan inovatif untuk merebut peluang yang muncul. Dengan transformasi industri Minyak & Gas yang berterusan, **TH** Marine kini bersedia mengemudi laluan masa hadapan dengan daya tahan dan tujuan yang jelas.

TH Marine's performance in 2024 reflected this stable demand. With the successful management of its vessel fleet and timely responses to market needs, the company maintained high utilization rates across its vessels. The market for OSVs saw a gradual increase in Daily Charter Rates as supply shortages which began in 2023 continued into 2024. **TH** Marine capitalised on these favourable market conditions to secure long-term contracts, ensuring predictable revenue streams.

The financial health of **TH** Marine in 2024 mirrored its operational success. Following 2023's first recorded net profit in several years, the company built on this momentum achieving a net profit of RM135.6 million. This was supported by disciplined cost management and an increase in vessel deployment efficiency, driving stronger profitability across key revenue streams.

Financial health was also augmented by **TH** Marine's strategic restructuring which involves the initiatives of appointing a new ship manager, sale of 4 units of the 5,000 bhp series and securing vessel ownership of the 12,000 bhp series. This effort, along with a careful focus on asset optimization, allowed the company to maintain a strong position in a recovering but competitive market.

The outlook for **TH** Marine remains positive. The global shift towards energy transition is opening new avenues in offshore renewables and while Oil & Gas remains a cornerstone of the business, **TH** Marine is actively exploring opportunities in adjacent sectors. As the demand for more sophisticated vessels grows, **TH** Marine will focus on maintaining fleet versatility to meet evolving market needs.

2024 was a year of consolidation and forward momentum for **TH** Marine. The company not only maintained its operational strength but also took decisive steps to position itself for future growth amid uncertain market conditions. Moving forward, **TH** Marine remains committed to delivering value through strategic foresight, operational excellence and innovative approaches to emerging opportunities. As the Oil & Gas industry continues to transform, **TH** Marine stands ready to navigate the path ahead with resilience and purpose.

PERLADANGAN

TH telah terlibat secara aktif dalam merealisasikan pelaburan strategiknya dalam sektor perladangan sejak tahun 1972. Sebagai entiti yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad sejak 2006, **TH** merupakan pemegang saham utama dalam **TH** Plantations Berhad (THP). Semua unit perladangan di bawah **TH** kini dikenali secara kolektif sebagai Kumpulan Perladangan **TH** (Kumpulan THP).

Daripada sebuah syarikat perladangan kecil seluas 15,000 hektar, Kumpulan THP kini merupakan syarikat perladangan sederhana di Malaysia dengan ladang di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak serta Kalimantan, Indonesia. Kumpulan THP terlibat dalam pembangunan dan pengurusan ladang kelapa sawit, serta pemprosesan dan penjualan minyak sawit dan isirung sawit di Malaysia dan Indonesia. Selain ladang kelapa sawit, ia juga terlibat dalam ladang getah dan jati di Sabah. Kumpulan THP kini mempunyai jumlah kawasan tanah sebanyak 97,772 hektar; terdiri daripada 31 ladang kelapa sawit, tujuh (7) ladang getah & jati serta enam (6) kilang kelapa sawit di negeri Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak di Malaysia serta Kalimantan, Indonesia.

Mulai tahun 2024, Kumpulan THP telah memulakan Pelan Perniagaan Strategik Lima Tahun (2024-2028), yang dikenali sebagai AL-Falah 22/22, untuk mencapai Hasil-per-hektar sebanyak 22MT per hektar dan Kadar Pengekstrakan Minyak sebanyak 22 peratus. AL-Falah 22/22 berfungsi sebagai peta jalan dalam merangka perjalanan kami untuk pertumbuhan dan keuntungan yang mampan. Ia menggariskan visi, misi dan tonggak strategik yang akan menyokong pertumbuhan trajektori Kumpulan dalam tempoh lima tahun akan datang. Pelaporan Prestasi telah dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan sistematik dan penjejakan AL-Falah 22/22 dengan matlamat utama untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses organisasi; membolehkan keputusan berdasarkan data yang akan memajukan objektif strategik Kumpulan.

PLANTATION

TH has been actively involved in realising its strategic investments in the plantation sector since 1972. Being a listed entity on the Main Board of Bursa Malaysia Berhad since 2006, **TH** is the major shareholder in **TH** Plantations Berhad (THP). All plantation units under **TH** are now collectively known as the **TH** Plantations Group (THP Group).

From a small plantation company of 15,000 hectares, THP Group is now a mid-sized plantation company in Malaysia with estates in Peninsular Malaysia, Sabah, and Sarawak as well as Kalimantan Indonesia. THP Group is involved in the development and management of oil palm plantations, as well as the processing and sales of palm oil and palm kernel in Malaysia and Indonesia. Aside from oil palm plantations, it is also involved in rubber and teak plantations in Sabah. THP Group currently has a total of 97,772 hectares of landbank; comprising 31 oil palm estates, seven (7) rubber & teak estates and six (6) palm oil mills in the states of Terengganu, Pahang, Johor, Sabah and Sarawak of Malaysia and Kalimantan, Indonesia.

Starting the year 2024, THP Group already embarked on its five-year Strategic Business Plan (2024-2028), known as AL-Falah 22/22, to achieve a Yield-per-hectare of 22MT per hectare and Oil Extraction Rate of 22 per cent. AL-Falah 22/22 serves as a roadmap in mapping our journey for sustainable growth and profitability. It outlines the vision, mission and strategic thrusts that will further support the Group's trajectory growth in the next five years. Performance Reporting has been developed to support the systematic implementation and tracking of AL-Falah 22/22 with the primary goal to ensure transparency and accountability in organizational processes; enabling data-driven decisions that will advance the Group's strategic objectives.



SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

Antara pelbagai inisiatif di bawah AL-Falah 22/22 adalah dalam mekanisasi dan pertanian digital; bertujuan meningkatkan produktiviti melalui teknologi maju. Inisiatif ini menggabungkan amalan pertanian digital untuk menyelaraskan rekod kewangan dan ladang bagi pengurusan kelapa sawit yang berkesan. Dengan membolehkan akses data masa nyata dan kecerdasan perniagaan yang canggih, petani dapat membuat keputusan yang tepat yang meningkatkan kecekapan. Inisiatif seperti menggabungkan teknologi dron akan menyediakan data tepat mengenai keadaan tanah, cuaca, dan pertumbuhan tanaman, mengoptimalkan amalan dan memaksimumkan hasil. Mekanisasi bertujuan meningkatkan produktiviti sambil mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing. Sebagai matlamat jangka panjang, ia juga bertujuan menarik golongan muda Malaysia ke sektor pertanian.

Sehingga 31 Disember 2024 (FY2024), Kumpulan THP mencatatkan pendapatan sebanyak RM877.73 juta dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM97.32 juta. Kumpulan THP mengisytiharkan dividen sebanyak 3.00 sen sesaham dengan jumlah nilai RM26.52 juta kepada semua pemegang sahamnya untuk tahun kewangan berakhir 2024.

Pada tahun 2024, THP menghasilkan 809,519 MT Buah Tandan Segar (FFB) daripada kawasan yang ditanam seluas 55,724ha; menjadikannya syarikat perladangan kelapa sawit ke-9 terbesar di Malaysia dari segi kawasan yang ditanam. Ladang kelapa sawit dan kilang minyak Kumpulan THP disahkan oleh MSPO dan MSPO SCCS, dan Kumpulan terus berusaha untuk menggabungkan amalan alam sekitar dan kelestarian yang komprehensif ke dalam operasinya; termasuk Amalan Agronomi Baik (GAP) dan usaha pengurangan pelepasan gas rumah hijau yang konsisten di kilang.

One of the many initiatives under AL-Falah 22/22 is in mechanisation and digital farming; aimed at increasing productivity through advanced technologies. The initiative integrates digital farming practices to streamline financial and field records for effective oil palm management. By enabling real-time data access and advanced business intelligence, farmers can make informed decisions that enhance efficiency. This initiative such as incorporating drone technology will provide precise data on soil conditions, weather, and crop growth, optimising practices and maximising yields. Mechanisation aims to improve productivity while decreasing dependence on foreign labour. As a long-term goal, it also seeks to attract young Malaysians to the agricultural sector.

As at 31 December 2024 (FY2024), THP Group recorded a RM877.73 million in revenue and profit after tax of RM97.32 million. THP Group declared a dividend of 3.00 sen per share to a total value of RM26.52 million, to all its shareholders for the financial year ended 2024.

In 2024, THP's produced 809,519 MT of Fresh Fruit Bunch (FFB) from a planted hectareage of 55,724ha; making it the 9th largest oil palm plantation company in Malaysia in terms of planted hectareage. THP Group's oil palm estates and mills are MSPO and MSPO SCCS Certified and the Group continues its efforts to embed comprehensive environmental and sustainable practices into its operations; comprising Good Agronomic Practices (GAP) and consistent greenhouse gas emission reduction efforts at the mills.





Pada Jun 2024, Kumpulan THP menjalinkan kerjasama strategik dengan Cenergi SEA Berhad (Cenergi), anak syarikat UEM Lestra Berhad; untuk membangunkan, membina, dan mengendalikan loji kuasa biogas 1.2 megawatt (1.2MW) di Kluang, Johor. Dijadualkan mula beroperasi pada 2026, loji kuasa biogas ini dijangka menghasilkan tenaga elektrik yang mencukupi untuk menyokong sehingga 1,200 buah rumah setiap tahun. Dari segi kesan alam sekitar, loji kuasa biogas ini boleh membantu mengelakkan kira-kira 20,000 tan pelepasan karbon setiap tahun; yang bersamaan dengan 4,760 kereta dipandu dalam setahun.

THP sudah meneroka kerja-kerja untuk Loji Biogas Kedua dan memulakan Projek Kredit Karbon. Untuk Jejak Karbon, seorang perunding telah dilantik, penilaian sedang dijalankan, dan dijangka siap pada Januari 2025. Pendekatan “sisa-ke-tenaga” yang diambil oleh Kumpulan THP adalah sebahagian daripada langkah proaktif yang diambil; bukan sahaja untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, tetapi juga sebagai satu lagi sumber pendapatan.

Program pemuliharaan untuk 4,300 hektar di Hutan Simpan Gunung Arong, Johor, dengan kerjasama Pusat Alam Sekitar Global dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor yang dilancarkan pada Oktober 2023 kini memasuki tahun kedua. Dengan peruntukan RM5 juta selama tujuh (7) tahun, inisiatif ini memberi tumpuan kepada perlindungan hutan pantai dan tanah gambut.

THP telah menjadi sebahagian daripada Indeks Bursa FTSE4GOOD Malaysia & Indeks Syariah FTSE4GOOD Bursa Malaysia sejak 2022. Ini adalah bukti pengurusan ESG positif THP, mengekalkan indeks penilaian keseluruhan di atas 3.3 mengikut Metodologi Penilaian ESG FTSE Russell.



In June 2024, THP Group undertook a strategic partnership with Cenergi SEA Berhad (Cenergi), a subsidiary of UEM Lestra Berhad; to develop, construct, and operate a 1.2-megawatt (1.2MW) biogas power plant in Kluang, Johor. Scheduled to commence operations in 2026, the biogas power plant is set to generate enough electricity to power up to 1,200 homes annually. In terms of environmental impact, this biogas power plant could help avoid approximately 20,000 tons of carbon emissions annually; which is equivalent to 4,760 cars driven in a year.

THP is already exploring work on the Second Biogas plant and embarking on the Carbon Credit Project. On Carbon Footprint, a consultant has been appointed, assessment is ongoing, and completion is expected in January 2025. The “waste-to-energy” approach undertaken by THP Group is part of many more proactive steps taken; not only to reduce greenhouse emissions, but also as another source of income.

The conservation programme for 4,300 hectares in Gunung Arong Forest Reserve, Johor, in collaboration with the Global Environment Centre and the Johor State Forestry Department which was launched in October 2023 is now in its second year. With RM5 million allocated over seven (7) years, this initiative focuses on coastal forest and peatland protection.

THP has been part of Bursa Malaysia's FTSE4GOOD Bursa Index & FTSE4GOOD Bursa Malaysia Syariah Index since 2022. This is a testament of THP's positive ESG management, maintaining an overall rating index above 3.3 as per the FTSE Russell ESG Rating Methodology.

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

Kumpulan THP akan terus meningkatkan program tanggungjawab sosial korporatnya untuk memberi manfaat kepada komuniti setempat. Kumpulan THP telah melaksanakan Pembelian FFB Luar yang Lebih Tinggi dari pekebun kecil tempatan untuk mengoptimumkan kapasiti kilang kami, seperti yang tercermin dalam kadar pengekstrakan minyak ("OER") dan kadar penggunaan kilang yang lebih tinggi. Pelan dua hala ini juga merupakan program komuniti tempatan dalam kawasan sekitar kilang dalam menyokong peningkatan bilangan pembekal FFB Bumiputera dan mewujudkan kerjasama jangka panjang dengan mereka.

Kumpulan THP komited untuk memenuhi tanggungjawab zakatnya untuk menyokong komuniti asnaf. Tahun 2024 menandakan peningkatan ketara dalam zakat yang dibayar dan zakat wakalah yang diagihkan. Jumlah bayaran zakat tahun ini ialah RM2,044,079 berbanding RM1,342,126 yang dibayar pada tahun 2023. Kumpulan THP membayar zakat berjumlah RM999,985 kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), RM801,609 kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), RM139,211 kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) Terengganu dan RM103,274 kepada Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP). MAINJ dan MAIDAM adalah dua pusat zakat baharu yang mula dibayar oleh Kumpulan THP pada tahun 2024. Selain itu, Kumpulan THP juga menerima zakat wakalah berjumlah RM302,767 daripada MUIS, MAINJ dan MAIDAM; untuk diagihkan kepada pelbagai kumpulan Asnaf di mana Kumpulan THP beroperasi.

THP Group will continue to enhance its corporate social responsibility programmes to benefit local communities. THP Group embarked on a Higher External FFB Purchase from local smallholders to optimise the capacity of our mills, as reflected in higher oil extraction rates ("OER") and mills utilisation rates. This two-pronged plan is also a local community programme within the vicinity of the mills in support of increasing the number of FFB Bumiputera suppliers and creating a long-term partnership with them.

THP Group is dedicated to fulfilling its zakat obligations to support the *asnaf* communities. The year 2024 marked a significant increase in zakat paid and zakat wakalah distributed. The total zakat payment this year is RM2,044,079 as compared to RM1,342,126 paid in 2023. THP Group paid zakat amounting to RM999,985 to Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), RM801,609 to Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), RM139,211 to Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (MAIDAM) Terengganu and RM103,274 to Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP). MAINJ and MAIDAM are two new zakat centres that have started to be paid by the group in 2024. In addition, THP Group also received zakat wakalah totalling RM302,767 from MUIS, MAINJ and MAIDAM; to be distributed to various *asnaf* groups where THP Group operates.





Dalam aspek pendidikan, PINTAR (*Promoting Intelligence, Nurturing Talent, and Advocating Responsibility*) adalah inisiatif “Program Angkat Sekolah” yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan dalam komuniti luar bandar yang kurang bernasib baik. Tahun ini, THP memilih Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Kota Bahagia dan SK Obah, memberi tumpuan kepada pelajar daripada keluarga pekerja THP. Pada 5 Julai 2024, THP menyumbangkan RM8,000 kepada SK Ladang Kota Bahagia di Pahang, sebagai sokongan pelbagai program pendidikan. Sumbangan serupa dibuat kepada SK Obah, membantu pelajar yang berhampiran dengan Estet Mamahat di Sabah.

Tahun 2024 juga menandakan peralihan untuk menyelaraskan Strategi Sumber Manusia kepada Pelan Perniagaan Strategik Lima Tahun atau Al-Falah 22/22, melalui pelancaran Pelan Strategik Sumber Manusia 2024 – 2028.

Pelan Strategik Sumber Manusia ini direka untuk meremajakan dan menumpukan semula **Agenda Rakyat** THP dengan menekankan lima elemen teras iaitu memperkukuhkan kekuatan kepimpinan, memulakan sistem pengurusan prestasi yang mantap, meningkatkan kompetensi & keupayaan melalui intervensi pembangunan individu yang berstruktur dan akhirnya merangka sistem ganjaran dan imbuhan yang kompetitif, adil dan saksama.

Kelima-lima inisiatif teras ini akan meletakkan asas yang kukuh ke arah mencapai transformasi budaya THP yang berintegriti tinggi, berprestasi tinggi, dan beroperasi dengan cemerlang.

On the educational front, PINTAR (*Promoting Intelligence, Nurturing Talent, and Advocating Responsibility*), is an “Adopt-a-School Programme” initiative aimed at improving educational achievements in underprivileged rural communities. This year, THP selected Sekolah Kebangsaan (SK) Ladang Kota Bahagia and SK Obah, focusing on students from THP employee families. On July 5, 2024, THP donated RM8,000 to SK Ladang Kota Bahagia in Pahang, supporting various educational programmes. A similar donation was made to SK Obah, assisting students near the Mamahat Estate in Sabah.

The year 2024 also marked the shift to align the HR Strategy into a 5-Year Strategic Business Plan or Al-Falah 22/22, through the launch of HR Strategic Blueprint 2024 – 2028.

The HR Strategic Blueprint is designed to revitalise and refocus THP’s **People’s Agenda** emphasising on 5-core elements namely strengthening leadership bench strength, embarking on a robust performance management system, enhancing competencies & capabilities through structured people development interventions and finally designing a competitive, fair and equitable rewards & remuneration system.

The five (5) core initiatives will lay a strong foundation towards achieving THP’s culture transformation of high integrity, performance-driven and operational excellence.

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

KUMPULAN THETA EDGE

Analisa Prestasi Kewangan TK2024

Kumpulan menyaksikan prestasi kewangan yang bercampur-campur untuk Tahun Kewangan 2024. Pendapatan Kumpulan dicatatkan sebanyak RM60.5 juta pada Disember 2024, iaitu penurunan sebanyak 58 peratus berbanding dengan TK2024 yang berjumlah RM144.3 juta. Pendapatan ini terutamanya telah disumbangkan oleh prestasi projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan pembekalan peralatan untuk sistem amaran banjir bagi Jabatan Pengairan dan Saliran. Kumpulan juga berjaya menyiapkan projek semasa dan yang sedia ada dalam tempoh dan kos yang diperuntukkan.

Seiring dengan itu, Kerugian Selepas Cukai (KSC) Kumpulan pada TK2024 juga telah mencatatkan penurunan lebih daripada 100 peratus, dengan KSC sebanyak RM17.8 juta berbanding Keuntungan Selepas Cukai berjumlah RM9.3 juta pada TK2023. KSC ini terutamanya disebabkan oleh pengiktirafan pendapatan yang lebih rendah berikutan projek JENDELA yang hampir selesai, dengan kebanyakan tapak kini berada di fasa waranti. Pengurusan modal Kumpulan terus mengamalkan pengurusan kos yang ketat bagi memastikan modal dipelihara untuk kelestarian perniagaan dan peluang pelaburan.

Theta Telecoms telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM27.8 juta hasil daripada pelaksanaan projek yang berjaya, terutamanya projek JENDELA. Sepanjang tahun kewangan, Theta Telecoms telah menyiapkan pembinaan dan serahan 221 infrastruktur telekomunikasi terkini untuk JENDELA Fasa 1 di tujuh (7) buah negeri: Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, dan Johor, yang menandakan pencapaian penting dalam memajukan keterhubungan rangkaian digital Malaysia. Penyerahan ini berjaya diselesaikan walaupun menghadapi beberapa cabaran dalam industri pembinaan. Bahagian ini berada pada kedudukan strategik untuk merebut peluang yang timbul daripada agenda digital negara dan pembangunan rangkaian 4G/5G yang sedang dilaksanakan serta pengumuman JENDELA Fasa 2 yang dijangkakan pada tahun 2025. Walaupun menghadapi cabaran kewangan sepanjang tahun, Theta Telecoms Sdn Bhd telah mendapat projek untuk PEMBANGUNAN, PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN TEKNOLOGI BERSERTA INTERNET OF THINGS ("IOT") BAGI INISIATIF PERNIAGAAN PINTAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN AMPANG JAYA ("Project") daripada Majlis Perbandaran Ampang Jaya ("MPAJ") untuk bekerjasama antara satu sama lain secara eksklusif selama 20 tahun bagi pelaksanaan projek.

THETA EDGE GROUP

FY2024 Financial Performance Analysis

The Group saw a mixed financial performance for FY2024. The Group's revenue was recorded at RM60.5 million, as of December 2024, a decrease of 58 per cent as compared to FY2023 of RM144.3 million. The revenue was mainly attributable to the performance of project *Jalinan Digital Negara* (JENDELA) and supply of equipment for flood warning system for Jabatan Pengairan dan Saliran. The Group also delivered its current and existing projects within the allocated time and costs.

Correspondingly, the Group Loss After Tax (LAT) as of FY2024 also saw a decrease of more than 100 per cent, with RM17.8 mil LAT as compared to Profit After Tax (PAT) amounting to RM9.3 mil in FY2023. The LAT is mainly attributable to the lower revenue recognition as the JENDELA project near completion with most sites now within the warranty phase. The Group's capital management continuously practices stringent cost management to ensure capital is preserved for business sustainability and investment opportunities.

Theta Telecoms recorded a revenue of RM27.8 million on the back of successful project deployments, primarily project JENDELA. Throughout the fiscal year, Theta Telecoms had completed the deployment and handover of 221 cutting-edge telecommunications infrastructures for the JENDELA Phase 1 across seven (7) states: Kedah, Penang, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, and Johor, marking a monumental milestone in advancing Malaysia's digital connectivity. This delivery was fully fulfilled despite several challenges faced within the construction industry. This division is strategically positioned to seize opportunities arising from the national digital agenda and the ongoing rollout of 4G/5G network developments and the anticipated announcement of JENDELA Phase 2 in 2025. Despite financial challenges during the year, Theta Telecoms Sdn Bhd has secured a project on PEMBANGUNAN, PENYEDIAAN DAN PENYELENGGARAAN TEKNOLOGI BERSERTA INTERNET OF THINGS ("IOT") BAGI INISIATIF PERNIAGAAN PINTAR DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN AMPANG JAYA ("Project") from Majlis Perbandaran Ampang Jaya ("MPAJ") to collaborate with each other on exclusive basis for 20 years for the execution of the project.

Theta Technologies pula mencatatkan pendapatan sebanyak RM18.0 juta berikutan oleh persaingan sengit dalam mendapatkan projek tender baharu. Syarikat kini hanya mempunyai kira-kira RM20.5 juta dalam kemudahan perbankan yang tersedia, yang menghadkan keupayaannya untuk menyertai projek kontrak bernilai tinggi.

Pada TK2023, Kumpulan telah mengisytiharkan dividen keduanya kepada pemegang saham sejak yang terdahulu berikutan program transformasi. Kumpulan berusaha dengan konsisten mencipta dan memaksimumkan nilai pemegang saham dengan mengisytihar dividen yang mampan. Walau bagaimanapun, pada TK2024, Kumpulan dijangka tidak mengisytiharkan sebarang dividen kepada pemegang saham, disebabkan oleh ketidakmampuan untuk memenuhi keperluan kewangan.

Walaupun berdepan dengan cabaran sementara, Kumpulan akan terus melaksana inisiatif-inisiatif seperti pengoptimuman kos, kerjasama strategik untuk memperolehi kecekapan baharu, pengurusan rantai bekalan strategik, dan pelaksanaan dasar serta prosedur operasi untuk memperkukuh tadbir urus korporat. Kumpulan terus memberi tumpuan kepada perniagaan terasnya sambil memacu perkembangan. Dalam masa yang sama, Kumpulan berusaha untuk melengkapkan inisiatif transformasi yang merangkumi penambahbaikan proses perniagaan, pengurusan kos yang berkesan, hubungan pelanggan yang lebih baik, pembangunan kemahiran selaras dengan jangkaan pelanggan, serta tadbir urus korporat yang kukuh dengan pengurusan risiko yang berhemat.

Theta Technologies, on the other hand, recorded a revenue of RM18.0 million due to intense competition in securing new tender projects. The Company currently has only approximately RM20.5 million in available banking facilities, which has limited our ability to participate in high value contract projects.

In FY2023, the Group declared its second dividend to the shareholders since the last as the result of transformation programme. The Group endeavors to consistently create and maximise shareholders' value by declaring sustainable dividend. However, in FY2024, the Group is not expected to declare any dividend to the shareholders, due to being unable to meet the financial requirements.

Despite temporary headwinds, the Group will continue its Group-wide initiatives such as cost optimisation, strategic partnerships for acquisition of new competencies, strategic supply chain management, and rollout of operational policies and procedures have been implemented to strengthen corporate governance. The Group continues to focus on its core business while pursuing growth. Concurrently, it strives to complete transformation initiatives encompassing business process improvement, effective cost management, enhanced customer relations, skill development aligned with customer expectations, and robust corporate governance with prudent risk management.



Dalam Bahagian Ini: In this Section:

- 122 **Penyata Tadbir Urus Korporat**
[Statement on Corporate Governance](#)
- 132 **Penyata Tadbir Urus Syariah *TH***
[TH Statement of Shariah Governance](#)
- 135 **Amalan Zakat *TH***
[TH Zakat Guidelines](#)
- 137 **Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam**
[Statement on Risk Management and Internal Control](#)
- 146 **Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah *TH***
[Report of the TH Shariah Advisory Committee](#)
- 151 **Laporan Integriti dan Tadbir Urus**
[Integrity and Governance Report](#)



MODAL INSAN

HUMAN CAPITAL



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

TH ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan di bawah pengawasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Peruntukan Akta mendefinisikan Menteri sebagai Menteri yang bertanggungjawab bagi pengawalan jemaah haji. Kuasa Menteri tersebut termasuk memberi arahan pelaksanaan fungsi **TH** dan akses maklumat berkaitan **TH**.

Di bawah Seksyen 4 Akta tersebut, Lembaga diamanahkan untuk melindungi kepentingan **TH** dan mentadbir semua perkara berkaitan kebajikan jemaah haji, pendepositnya, dan seterusnya menggalakkan kelestarian operasi dan prestasi **TH**.

Sebagai satu-satunya institusi haji di Malaysia yang diberi mandat untuk menyediakan kemudahan kepada jemaah haji Malaysia menunaikan ibadah haji, Lembaga percaya bahawa tadbir urus yang baik adalah cerminan komitmen Anggota untuk mencapai visi **TH** sebagai tonggak kejayaan ekonomi ummah dan organisasi terbaik dalam pengurusan haji.

Lembaga dipandu oleh Piagam Lembaga, yang menggariskan tugas dan tanggungjawab mereka serta dasar yang membolehkan Lembaga melaksanakan fungsinya, termasuk pengawasan pengurusan.

Sebagai tambahan kepada Piagam Lembaga, Lembaga komited sepenuhnya untuk memastikan tadbir urus korporat yang berkesan dan mendukung piawai korporat yang tinggi dan konsisten, seperti yang digariskan dalam Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

KOMPOSISI LEMBAGA

Lembaga dianggotai oleh 10 orang Anggota termasuk Pengerusi, seorang wakil dari Jabatan Perdana Menteri (JPM), seorang wakil dari Perbendaharaan, dan Anggota-Anggota lain yang dilantik oleh Menteri.

Anggota Lembaga adalah terdiri dari individu-individu yang berkelayakan dengan pelbagai latar belakang, kemahiran, dan pengalaman yang mantap dalam pelbagai bidang.

TH juga berhasrat untuk mencapai mandat kerajaan untuk mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita dalam Lembaga Pengarah bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarahnya yang optimum dari aspek kepelbagaian pemikiran, perspektif dan perbincangan yang inovatif dan strategik.

TH is governed by the Tabung Haji Act (Act 535) under the stewardship of the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs). A provision of the Act defines the Minister as the Minister in charge of pilgrimage control. The power of the Minister includes giving directions on the **TH** functions and providing access to information requisitions on **TH**.

Under Section 4 of the Act, the Lembaga is entrusted to protect the interests of **TH** and administer all matters concerning the welfare of hajj pilgrims, and its depositors, and to promote sustainable **TH** operations and performance.

Being the only hajj Institution in Malaysia mandated to facilitate Malaysian pilgrims to perform hajj, the Lembaga believes that good governance is the reflection of members' commitment in achieving **TH's** vision as a pillar of the ummah's economic success and the best organisation in hajj management.

The Lembaga is guided by the Lembaga Charter, which outlines their duties and responsibilities as well as the policies that will enable the Lembaga to execute its functions, including their oversight of management.

In addition to the Lembaga Charter, Lembaga is fully committed in ensuring effective corporate governance and upholding high and consistent corporate standards, as outlined in the Principles of Good Governance (PGG) for Government-Linked Investment Companies (GLIC).


LEMBAGA COMPOSITION

The Lembaga comprises 10 members including the Chairman, a representative from the Prime Minister's Department (PMD), a representative from the Treasury, and other members appointed by the Minister.

Members of Lembaga are qualified individuals with diverse backgrounds, skills, and sound experience in various fields.

TH is also looking forward in achieving the government's mandate to have at least 30 per cent female presence on the board to ensure that its board composition is optimal for diversity of thought, differing perspectives, and innovative and strategic discussions.

Komposisi Anggota mengikut Jantina
Composition of Members by Gender



MESYUARAT LEMBAGA

Menurut Akta **TH**, Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga bulan. Namun begitu, sembilan (9) mesyuarat telah diadakan pada tahun fiskal 2024, dua (2) daripadanya adalah mesyuarat khas, untuk meluluskan cadangan korporat, strategi perniagaan strategik, dan isu-isu lain.

Selain dari mesyuarat, terdapat perkara-perkara yang memerlukan kelulusan segera dari Lembaga, yang telah diluluskan melalui resolusi pekeliling yang mengandungi semua maklumat yang diperlukan bagi membuat keputusan termaklum.

Sejak 2022, **TH** telah melaksanakan mesyuarat tanpa kertas menggunakan aplikasi Convene, selaras dengan prinsip ESG. Aplikasi ini membolehkan Anggota Lembaga mengakses folder mesyuarat melalui peranti elektronik.

LEMBAGA MEETINGS

According to the **TH** Act, the Lembaga shall meet at least once in every three months. Nonetheless, nine (9) meetings were held in fiscal year 2024, two (2) of which were special meetings, to approve corporate proposals, strategic business strategies, and other issues.

Aside from meetings, there were urgent matters that required the Lembaga's approval, which were passed through circular resolutions consisting all necessary information and justifications for an informed decision making.

Since 2022, **TH** has implemented paperless meetings using the Convene application, in line with the ESG principles. This application enables Lembaga members to access the meeting folder via electronic devices.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA LEMBAGA

Akta **TH** memerlukan penubuhan Jawatankuasa Lembaga untuk membantu Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Jawatankuasa Lembaga terdiri dari semua Anggota Lembaga, manakala Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah, yang terdiri dari campuran ahli Lembaga dan anggota bebas.

Semua Jawatankuasa Lembaga ditadbir oleh Terma Rujukan (ToR) yang menggariskan tanggungjawab Anggota, yang telah diluluskan oleh Lembaga. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, Jawatankuasa akan menyemak ToR mereka untuk membuat pelarasan yang sewajarnya.

Jawatankuasa Lembaga membuat cadangan kepada Lembaga. Minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga sebagai makluman bagi memastikan Lembaga tahu mengenai isu-isu yang ditangani oleh setiap jawatankuasa Lembaga ini.

Terdapat enam (6) Jawatankuasa di bawah bidang kuasa Lembaga.


LEMBAGA COMMITTEE

TH Act requires the establishment of Lembaga Committees to assist the Lembaga in carrying out its responsibilities. The Lembaga Committee consists of all Anggota Lembaga, whilst the Investment Panel and Shariah Advisory Committee consists of a mixture of Anggota Lembaga and independent members.

All Lembaga Committees are governed by the Terms of Reference (ToR) that outline the responsibilities of the members, which were approved by Lembaga. Nonetheless, whenever required, the Committee shall review their ToR to make the necessary adjustment.

The Lembaga Committees make recommendations to the Lembaga. The minutes of the Lembaga Committees will be tabled at the Lembaga meeting for notation to keep the Lembaga informed of the issues addressed by these committees.

There are six (6) Committees under the Lembaga’s purview.



Rekod Kehadiran ke mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun fiskal 2024 adalah seperti berikut:
Record of Attendance at the Lembaga and Lembaga Committee meetings during the fiscal year 2024 are set forth below:

Anggota Lembaga Members of Lembaga	Tarikh Lantikan / Tamat Perkhidmatan Date of Appointment / Tenure Ended	Kehadiran / Attendance						
		Lembaga The Lembaga	Panel Pelaburan Investment Panel	Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee	Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Pematuhan Risk Management & Compliance Committee	Jawatankuasa Penamaan & Saraan Nomination & Remuneration Committee	Jawatankuasa Audit & Tadbir Urus Audit & Governance Committee	Jawatankuasa Urusan Haji Haji Affairs Committee
Tan Sri Abdul Rashid Hussain	20.12.2023	9/9	-	-	-	-	-	-
Datuk Syed Hamadah Syed Othman	06.05.2023	9/9	-	-	-	-	-	2/2
Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar	16.09.2024	3/3	-	-	-	-	-	-
Dato' Zamzuri Abdul Aziz	22.09.2023	9/9	-	-	-	-	-	-
Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed	20.03.2023	9/9	-	-	6/6	8/10	-	-
Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	01.08.2023	8/9	7/7	-	6/6	-	10/11	-
Profesor Dr. Ashraf Md Hashim	01.11.2023	9/9	-	6/6	-	10/10	10/11	1/1 * Dilantik pada Appointed on 30.09.2024
Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	20.09.2024	3/3	-	-	2/2 * Dilantik pada Appointed on 30.09.2024	1/1 * Dilantik pada Appointed on 30.09.2024	2/3 * Dilantik pada Appointed on 30.09.2024	-
Asril Rahman Abdul Hadi	18.08.2023	9/9	-	-	-	10/10	11/11	0/0 * Dilantik pada Appointed on 24.10.2024
Nor Adila Ismail	01.11.2024	1/1	0/0 * Dilantik pada Appointed on 01.12.2024	-	1/1 * Dilantik pada Appointed on 01.12.2024	-	-	0/0 * Dilantik pada Appointed on 01.12.2024
Datuk Awang Alik Jeman	20.11.2023 – 04.09.2024	4/6	-	-	-	-	-	1/1
Dr. Mohd Faisal Mustafa	18.08.2022 – 17.08.2024	5/6	-	-	4/4	8/8	7/7	1/1
Ir. Abd Mokhti Salleh	01.11.2022 – 31.10.2024	8/8	6/6	-	3/5	-	-	2/2

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Panel Pelaburan Investment Panel	Tarikh Lantikan / Tamat Perkhidmatan Date of Appointment / Tenure Ended	Kehadiran / Attendance						
		Lembaga The Lembaga	Panel Pelaburan Investment Panel	Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee	Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Pematuhan Risk Management & Compliance Committee	Jawatankuasa Penamaan & Saraan Nomination & Remuneration Committee	Jawatankuasa Audit & Tadbir Urus Audit & Governance Committee	Jawatankuasa Urusan Haji Haji Affairs Committee
Hizamuddin Jamalluddin	01.02.2024	-	6/6	-	-	-	-	-
Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin	01.09.2023	-	7/7	-	-	-	-	-
Dato' Sr. Azmar Talib	01.09.2023	-	6/7	-	-	-	-	-
Puan Rosnah Dato' Kamarul Zaman	01.09.2023	-	7/7	-	-	-	-	-
Dato' Izzaddin Idris	01.09.2023	-	6/7	-	-	-	-	-
Ahmad Shahizam Mohd Shariff	01.09.2023	-	6/7	-	-	-	-	-
Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee								
Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin	11.01.2023	-	7/7	6/6	-	-	-	-
Professor Madya Dr. Asmak Ab Rahman	01.05.2022	-	-	6/6	-	-	-	-
Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin	11.01.2023	-	-	6/6	-	-	-	-
Profesor Datin Dr. Rusni Hassan	01.01.2023	-	-	6/6	-	-	-	-
Profesor Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	01.01.2024	-	-	5/6	-	-	-	-
Profesor Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir	01.01.2024	-	-	6/6	-	-	-	-

PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH (BDEE)

Lembaga berhasrat untuk menjalankan BDEE setiap tiga (3) tahun untuk memberi pandangan dan sokongan yang diperlukan kepada Anggota Lembaga untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti pengawasan mereka. Penilaian ini mengenal pasti bidang-bidang untuk penambahbaikan dan menyediakan cadangan dan pendekatan terbaik untuk mencapai objektif Lembaga.

Pada tahun 2024, **TH** telah melantik perunding bebas untuk melaksanakan BDEE, termasuk secara temu duga, soal selidik dalam talian, dan penilaian berdasarkan rangka kerja tadbir urus korporat terkini dan piawaian industri. Laporan Prestasi Individu tersebut kemudiannya dikongsi dengan Menteri menjelang akhir tempoh perkhidmatan Anggota Lembaga sebagai sebahagian daripada proses semakan pembaharuan lantikan mereka.

PEMBANGUNAN PROFESIONAL

Bahagian Sekretarial mengadakan sesi pengenalan untuk Anggota Lembaga yang baru dilantik untuk memberi taklimat kepada mereka tentang struktur tadbir urus **TH** sebaik sahaja dilantik.

Selaras dengan Penilaian BDEE, latihan dan kursus berterusan untuk Anggota Lembaga membantu merapatkan sebarang jurang pengetahuan yang dikenal pasti dalam kalangan Anggota Lembaga. Latihan sedemikian juga membantu dalam mengikuti perkembangan terkini dalam peraturan dan persekitaran operasi. Anggota Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah turut menghadiri sesi latihan tersebut.

Sepanjang tahun ini, terdapat beberapa kursus telah diadakan, seperti berikut:

- » Pengurusan Risiko dan Pematuhan
 - Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Mencegah Pembiayaan Keganasan
 - Pengurusan Liabiliti Aset & Likuiditi
 - Pengurusan Insiden & Keselamatan Siber
- » Garis Panduan Zakat & Menginstitusikan Maqasid Syariah sebagai Elemen Pengawasan **TH**
- » Kursus untuk Pengarah Nomini *“Demystifying The Dynamic Forces That Shape Board Relationships”*

HONORARIUM

Anggota Lembaga, Panel Pelaburan, dan Jawatankuasa Penasihat Syariah menerima honorarium bulanan serta honorarium kehadiran mesyuarat bagi setiap mesyuarat yang mereka hadiri, yang jumlahnya telah diluluskan oleh Menteri dan Lembaga.

BOARD & DIRECTOR EFFECTIVENESS EVALUATION (BDEE)

The Lembaga intended to conduct the BDEE exercise every three (3) years to give Lembaga members the insights and support they require to improve the efficacy of their oversight activities. This exercise identifies areas for improvement and provides the best recommendations and approaches for achieving the Lembaga's objectives.

In 2024, **TH** has appointed an independent consultant to facilitate the BDEE exercise, which included an interview, an online questionnaire, and an assessment based on the most recent corporate governance framework and industry standards. The Individual Performance Report was then shared with the Minister near the end of the Lembaga Members' tenure as part of the renewal review process.

PROFESSIONAL DEVELOPMENT

Secretarial Division held onboarding sessions for newly appointed Lembaga members to brief them about **TH's** governance structure immediately upon their appointment.

In tandem with the BDEE Exercise, continued training for Lembaga Members helps to bridge any knowledge gaps detected within the Lembaga members. Such training also assists in keeping up with the most recent advancements in regulations and the operating environment. Members of the Investment Panel and the Shariah Advisory Committee also attended the training session.

Throughout the year, there are several trainings were held, which include the following:

- » Risk and Compliance Management
 - Anti-Money Laundering/Counteracting Financing of Terrorism
 - Asset Liability & Liquidity Management
 - Cyber Security & Incident Management
- » **TH** Zakat Guidelines & Institutionalizing Maqasid Shariah as Element of TH Stewardship
- » Nominee Director's Training on “Demystifying The Dynamic Forces That Shape Board Relationships”

HONORARIUM

Members of the Lembaga, Investment Panel, and Shariah Advisory Committee received a monthly honorarium as well as honorarium on meeting attendance for each meeting they attended, the amount of which was approved by the Minister and Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

Butiran honorarium bagi tahun 2024 adalah seperti berikut:
The honorarium details for the year 2024 are as follows:

	Lembaga The Lembaga		i. Panel Pelaburan Investment Panel ii. Jawatankuasa Penasihat Syariah Shariah Advisory Committee			Jawatankuasa Lembaga lain Other Lembaga Committees	
	Pengerusi Chairman	Anggota Member	Wakil Lembaga Lembaga Representative	Pengerusi Chairman	Anggota Member	Pengerusi Chairman	Anggota Member
Honorarium Bulanan Monthly Honorarium	RM12,000	RM5,000	-	RM2,000	RM1,500	-	-
Honorarium Kehadiran Mesyuarat Honorarium on meeting attendance	RM2,000	RM1,500	Pengerusi / Chairman RM2,000	RM2,000	RM1,500	RM1,500	RM1,000
			Anggota / Member RM1,500				

* Maklumat di atas adalah berdasarkan honorarium yang telah disemak semula berkuat kuasa pada 1hb September 2024 setelah mendapat kelulusan Menteri.
The above information is based on the revised honorarium with effect from 1st September 2024 as approved by the Minister.

Fungsi utama setiap Jawatankuasa Lembaga serta keanggotaan bagi tahun 2024 dinyatakan seperti di bawah:

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (RMCC) membantu Lembaga dalam melaksanakan tanggungjawabnya dengan menyediakan pengawasan bebas terhadap kecukupan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan, yang merangkumi struktur dan pelaksanaan dasar dan prosedur, serta keseluruhan proses tadbir urus, yang selaras dengan strategi dan selera risiko **TH**.

JAWATANKUASA AUDIT DAN TADBIR URUS (AGC) menyokong Lembaga dalam melaksanakan tugas perakaunan dan pelaporan kewangan di samping mengekalkan piawaian tadbir urus, integriti dan etika yang tinggi.

Butiran lanjut dan komposisi Anggota RMCC dan AGC dinyatakan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam pada halaman 137 hingga 145 Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH (SAC) berfungsi untuk menasihat Lembaga mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah untuk memastikan pelaksanaan operasi perniagaan **TH** mematuhi prinsip Syariah, menyokong Dasar dan Prosedur Syariah, dan mewujudkan Rangka Kerja Pematuhan Syariah. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menilai tahap pematuhan terhadap aktiviti Audit Syariah, Risiko Syariah, dan Kajian Syariah serta membuat cadangan untuk memelihara Pematuhan Syariah.

Butiran lanjut dan komposisi Anggota Jawatankuasa ini dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah pada halaman 146 hingga 150 Laporan Tahunan ini.

The key functions of each Lembaga Committee as well as the membership for the year 2024 are set out below:

RISK MANAGEMENT AND COMPLIANCE COMMITTEE (RMCC) assists the Lembaga in carrying out its responsibilities by providing independent oversight of the adequacy of the Risk Management and Compliance Framework, which includes the structure and implementation of policies and procedures, as well as the overall governance processes, that are consistent with **TH's** strategy and risk appetite.

AUDIT AND GOVERNANCE COMMITTEE (AGC) supports Lembaga in carrying out its accounting and financial reporting tasks while maintaining high standards of governance, integrity, and ethics.

Further details and composition of the members of RMCC and AGC are set out in the Statement on Risk Management and Internal Control on pages 137 to 145 of this Annual Report.

SHARIAH ADVISORY COMMITTEE (SAC) function is to advise the Lembaga on Shariah-related matters to ensure that **TH's** business operations implementation comply with the Shariah principles, endorse the Shariah Policies and Procedures, and establish the Shariah Compliance Framework. The Committee is also in charge of assessing the degree of compliance with Shariah Audit, Shariah Risk, and Shariah Review activities and making recommendations to preserve Shariah Compliance.

Further details and composition of the members of the Committee is set out in the Report of the Shariah Advisory Committee on pages 146 to 150 of this Annual Report.

PANEL PELABURAN (IP) berfungsi sebagai jawatankuasa utama yang menyelia keseluruhan aktiviti pelaburan di **TH** dan akan memastikan pembangunan serta pelaksanaan objektif, strategi dan dasar pelaburan **TH** selaras dengan peraturan, keperluan dan objektif **TH** yang berkaitan.

Selain itu, Panel Pelaburan akan memberikan nasihat atau mengesyorkan kepada Lembaga berhubung cadangan-cadangan pelaburan serta sebarang perkara berkaitan pelaburan dan memberi cadangan kepada Pengurusan mengenai aktiviti dan amalan pelaburannya bagi mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan pelaburan **TH**.

Panel Pelaburan terdiri dari sembilan (9) orang Anggota termasuk enam (6) orang Anggota bebas, dua (2) orang wakil Lembaga dan seorang wakil SAC.

INVESTMENT PANEL (IP) serve as the primary committee overseeing the overall investment activities of **TH** and will ensure that the development and implementation of **TH's** investment objectives, strategies and policies are in line with the relevant regulations, requirements, and **TH's** objective.

Apart from that, the Investment Panel will advise or make recommendations to the Lembaga in relation to investment proposals as well as any investment-related matters and recommend the Management on its investment activities and practices to further enhance the quality of **TH's** investment management.

Investment Panel consists of nine (9) members including six (6) independent members, two (2) representatives from Lembaga and a representative from SAC.

Bil. / No.	Anggota Panel Pelaburan Members of Investment Panel	Jawatan Designation
1.	Hizamuddin Jamalluddin (Pengerusi / Chairman) * Dilantik pada / Appointed on 01.02.2024 * Dilantik sebagai Pengerusi pada / Redesignated as Chairman on 29.05.2024	Anggota Bebas / Independent Member
2.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	Wakil Anggota Lembaga / Rep. from Lembaga
3.	Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin	Wakil Anggota SAC / Rep. from SAC Members
4.	Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin * Tamat lantikan sebagai Pengerusi pada / Tenure as Chairman ended on 20.05.2024	Anggota Bebas / Independent Member
5.	Dato' Sr. Azmar Talib	Anggota Bebas / Independent Member
6.	Puan Rosnah Dato' Kamarul Zaman	Anggota Bebas / Independent Member
7.	Dato' Izzaddin Idris	Anggota Bebas / Independent Member
8.	Ahmad Shahizam Mohd Shariff	Anggota Bebas / Independent Member
9.	Nor Adila Ismail * Dilantik pada / Appointed on 01.12.2024	Wakil Anggota Lembaga / Rep. from Lembaga
	Ir. Abd Mokhti Salleh * Tamat Perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.10.2024	Wakil Anggota Lembaga / Rep. from Lembaga

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

STATEMENT ON CORPORATE GOVERNANCE

JAWATANKUASA PENAMAAN DAN SARAAN (NRC) bertanggungjawab dalam mengesyorkan dasar dan rangka kerja mengenai terma dan syarat perkhidmatan untuk pegawai dan pekerja **TH** serta meluluskan pelaksanaan urusan operasi modal insan.

Selain itu, Jawatankuasa ini juga mengesyorkan pelantikan atau pemberhentian kepada Lembaga untuk jawatan Pengurus Besar Kanan **TH** dan ke atas, serta pelantikan dan pemberhentian Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Nomini dalam syarikat penerima pelaburan **TH**.

Jawatankuasa Penamaan dan Saraan terdiri daripada empat (4) orang anggota daripada Lembaga.

NOMINATION AND REMUNERATION COMMITTEE (NRC) is responsible to recommend policies and frameworks on terms and conditions of service for **TH** officers and employees and approves the execution of human capital operations matters.

On top of that, the Committee also recommends the appointments or cessations to the Lembaga for **TH**'s Senior General Managers and above, as well as the appointments and cessations of Chief Executive Officers and Nominee Directors in **TH**'s investee companies.

Nomination and Remuneration Committee consists of four (4) members from the Lembaga.

Bil. / No.	Anggota Jawatankuasa Penamaan dan Saraan Members of Nomination and Remuneration Committee	Jawatan Designation
1.	Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff (Pengerusi / Chairman) * Dilantik sebagai Pengerusi pada / Appointed as Chairman on 30.09.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
2.	Profesor Dr. Ashraf Md Hashim * Tamat lantikan sebagai Pengerusi pada / Tenure as Chairman ended on 31.08.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
3.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
4.	Asril Rahman Abdul Hadi	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
	Dr. Mohd Faisal Mustaffa * Tamat Perkhidmatan pada / Tenure ended on 17.08.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga



JAWATANKUASA URUSAN HAJI bertanggungjawab di dalam menyemak dan membuat keputusan mengenai isu-isu berkaitan haji. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab ke atas perkara yang berkaitan dengan kebajikan jemaah haji, termasuk aspek ibadah haji dan isu-isu pelaksanaan haji, rancangan dan operasi haji termasuk merangka polisi yang berkaitan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengawasi pentadbiran produk dan perkhidmatan haji termasuk pembayaran oleh jemaah haji untuk menunaikan haji dan pelesenan Pengelola Jemaah Haji di Malaysia.

Jawatankuasa ini terdiri daripada empat (4) orang anggota daripada Lembaga termasuk PUK&KPE.

HAJJ AFFAIRS COMMITTEE is responsible in assessing and making decisions on hajj-related issues. This committee is also responsible for matters related to the welfare of pilgrims, including aspects of hajj worship and hajj implementation issues, hajj plans and operations including drafting relevant policies. It is also responsible in overseeing the administration of hajj products and services including hajj payments and licensing of Hajj Pilgrim Operator in Malaysia.

This Committee consists of four (4) members from Lembaga, including GMD&CEO.

Bil. / No.	Anggota Jawatankuasa Urusan Haji Members of Hajj Affairs Committee	Jawatan Designation
1.	Profesor Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi / Chairman) * Dilantik sebagai Pengerusi pada / Appointed as Chairman on 30.09.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
2.	Datuk Syed Hamadah Syed Othman	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
3.	Asril Rahman Abdul Hadi * Dilantik pada / Appointed on 24.10.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
4.	Nor Adila Ismail * Dilantik pada / Appointed on 01.12.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
	Dr. Mohd Faisal Mustafa * Tamat Perkhidmatan pada / Tenure ended on 17.08.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
	Datuk Awang Alik Jeman * Tamat Perkhidmatan pada / Tenure ended on 04.09.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga
	Ir. Abd Mokhti Salleh * Tamat Perkhidmatan pada / Tenure ended on 31.10.2024	Anggota Lembaga / Member of Lembaga

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH **TH**

TH SHARIAH GOVERNANCE STATEMENT

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** telah dibentuk bagi tujuan memastikan segala aspek operasi, pelaburan dan aktiviti yang dilakukan oleh **TH** mematuhi lunas-lunas syarak.

JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**

Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah (JPS) telah diluluskan oleh Lembaga di dalam mesyuarat Lembaga No. 2/2010 (252) bertarikh 27 April 2010. Dalam mesyuarat yang sama Lembaga turut merumuskan bahawa jawatankuasa tersebut berkuatkuasa pada 1 Mei 2010.

FUNGSI DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**

JPS yang ditubuhkan sejak tahun 2010 berperanan sebagai sumber rujukan bagi **TH** mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Syariah kecuali urusan dan perkara berkaitan ibadah haji. Dalam memastikan operasi perniagaan **TH** mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** telah menggariskan fungsi dan tanggungjawab JPS seperti berikut:

- » Menasihati Lembaga mengenai perkara-perkara berkaitan Syariah untuk memastikan bahawa operasi perniagaan **TH** dan aktiviti-aktiviti **TH** yang lain termasuk zakat **TH** mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa;

TH's Shariah Governance Framework has been established for the purpose of ensuring all aspect of operation, investment and activities carried out by **TH** are in compliance with Shariah principles.

TH SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

The proposal to establish the Shariah Advisory Committee (SAC) was approved by the Lembaga in Lembaga Meeting No. 2/2010 (252) dated 27 April 2010. In the same meeting the Lembaga also concluded that the committee would come into effect on 1 May 2010.

FUNCTIONS AND RESPONSIBILITIES OF THE TH SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

The SAC was established to serve as a reference source for **TH** on Shariah matters except hajj-related matters. In ensuring that **TH's** business operations comply with Shariah principles at all times, **TH's** Shariah Governance Framework has outlined the functions and responsibilities of the SAC as follows:

- » Advise the Lembaga on Shariah-related matters to ensure that **TH's** business operations and other **TH** activities including **TH** zakat comply with Shariah principles at all times;



- » Menjelaskan keputusan Syariah berhubung dengan apa jua urusan niaga **TH** seperti yang diputuskan oleh jawatankuasa berdasarkan kepada apa yang dirujuk kepadanya oleh Lembaga, Pengerusi, Bahagian Syariah Kumpulan atau mana-mana juga cabang perniagaan **TH**;
- » Menilai dan mengesahkan produk-produk, kontrak-kontrak piawai yang akan dimeterai, perjanjian, operasi bagi keseluruhan transaksi **TH**;
- » Mengesahkan urusan niaga dan kontrak **TH** adalah mematuhi Syariah melalui laporan yang dikemukakan oleh Bahagian Syariah Kumpulan kepada jawatankuasa secara berkala, menjelaskan pelaksanaan resolusi dan hukum yang dikeluarkan oleh jawatankuasa;
- » Memberikan keputusan atau nasihat Syariah mengenai operasi, perniagaan, urusan dan aktiviti Kumpulan yang boleh menyebabkan potensi insiden ketidakpatuhan Syariah;
- » Membincangkan dan mengesahkan penemuan ketidakpatuhan Syariah oleh fungsi-fungsi kawalan Syariah **TH** serta mengesahkan langkah-langkah penambahbaikan dan ratifikasi dalam menangani insiden ketidakpatuhan Syariah;
- » Mewakili **TH** dalam bidang Syariah di persidangan, seminar, dan juga untuk mengambil bahagian dalam forum kewangan Islam.

KEAHLIAN DAN KEHADIRAN MESYUARAT JPS

Keahlian JPS adalah terdiri daripada individu yang berkepakaran dalam bidang Syariah secara umumnya dan khususnya dalam bidang kewangan Islam. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak enam (6) mesyuarat JPS telah diadakan bagi tahun 2024. Tarikh-tarikh mesyuarat dan kehadiran ahli-ahli JPS adalah seperti berikut:

- » Explain Shariah decisions in relation to any **TH** transaction as decided by the committee based on what is referred to it by the Lembaga, Chairman, Group Shariah Division or any branch of **TH**'s business;
- » Assess and conform products, standard contracts to be entered into, agreements, operations for all **TH** transactions;
- » Endorse and approve that all **TH** transactions and contracts are Shariah compliant through reports submitted by the Group Shariah Division to the committee on a regular basis, explaining the implementation of resolutions and rulings issued by the committee;
- » Provide Shariah decisions or advice on the Group's operations, business, affairs and activities that may give rise to potential incidents of Shariah non-compliance;
- » Deliberate and confirm the finding of Shariah non-compliance by **TH**'s Shariah control functions as well as affirm improvement and rectification measures in dealing with incidents of Shariah non-compliance; and
- » Represent **TH** in any conference and seminar concerning any Shariah issue, as well as to participate in Islamic finance forums.

SAC MEMBERSHIP AND MEETING ATTENDANCE

SAC membership consists of individuals who specialise in the fields of Shariah particularly in Islamic finance. As of 31 December 2024, a total of six (6) SAC meetings have been held for the year. The attendance of SAC members at the meeting is as follows:

Bil. / No.	Tarikh Mesyuarat / Date of Meeting		Ahli JPS / SAC Members	Kehadiran Mesyuarat Meeting Attendance
1.	1/2024 (59)	31 Januari / January 2024	Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi) / (Chairman)	6/6
2.	2/2024 (60)	15 Mac / Mar 2024	Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin	6/6
3.	3/2024 (61)	21 Mei / May 2024	Prof. Dr. Asmak Ab. Rahman	6/6
4.	4/2024 (62)	17 Julai / July 2024	Ustaz Wan Rumaizi Wan Husin	6/6
			Prof. Datin Dr. Rusni Hassan	6/6
5.	5/2024 (63)	12 September / September 2024	Prof. Madya Dr. Mohamed Fairouz Abdul Khir	6/6
6.	6/2024 (64)	27 November / November 2024	Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali	5/6*

* Ketidakhadiran ke mesyuarat adalah dengan izin / Absence to meeting is granted with permission

PERNYATAAN TADBIR URUS SYARIAH **TH** **TH SHARIAH GOVERNANCE STATEMENT**

POLISI SYARIAH

Selain Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH**, bagi mengukuhkan tadbir urus Syariah di **TH** beberapa polisi dalaman seperti rangka kerja, garis panduan dan prosedur telah diterbitkan oleh Bahagian Syariah Kumpulan setelah dibentangkan dan diluluskan oleh JPS. Polisi-polisi tersebut adalah seperti berikut:

- » Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH**
- » Polisi Semakan Syariah
- » Prosedur Operasi Piawai Perundingan Syariah
- » Prosedur Operasi Piawai Semakan Syariah
- » Garis Panduan Syariah Bagi Pelaburan Ekuiti
- » Garis Panduan Syariah Bagi Pelaburan Hartanah
- » Garis Panduan Bagi Pengendalian Dana Tidak Patuh Syariah
- » Garis Panduan Syariah Bagi Caj Lewat Bayar
- » Garis Panduan Zakat **TH**
- » Rangka Kerja Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah Untuk Syarikat Penerima Pelaburan **TH**
- » Garis Panduan Syariah bagi Pelaburan Dana Ekuiti Persendirian
- » Garis Panduan Syariah bagi Pemasaran, Pengiklanan, dan Promosi **TH**
- » Garis Panduan Syariah bagi Pengurusan Acara, Majlis dan Program

FUNGSI KAWALAN SYARIAH

Semakan dan Pemantauan Syariah

Fungsi Semakan Syariah merujuk kepada penilaian berkala dan bebas yang dilakukan oleh Pegawai Semakan Syariah terhadap aspek pematuhan Syariah dalam aktiviti-aktiviti Kumpulan **TH** termasuk tetapi tidak terhad kepada proses-proses pembangunan produk, pembangunan perkhidmatan, operasi, pelaburan, urusniaga dan segala transaksinya yang bermula daripada peringkat penstrukturan sehinggalah kepada penawaran/pelaksanaan bagi memastikan segala yang tersebut mematuhi parameter, garis panduan dan resolusi yang dikeluarkan oleh JPS dan Bahagian Syariah Kumpulan **TH**. Fungsi ini dijalankan oleh pegawai Syariah yang berkecualan dengan tujuan untuk memastikan bahawa segala yang tersebut di atas tidak bercanggah dengan Syariah.

SHARIAH POLICY

In addition to the **TH** Shariah Governance Framework to strengthen Shariah governance, several internal policies such as frameworks, guidelines and procedures have been issued by the Group Shariah Division after being presented and approved by SAC. The policies are listed below:

- » **TH** Shariah Governance Framework
- » Shariah Review Policy
- » Shariah Advisory Operating Procedures
- » Shariah Review Operating Procedures
- » Shariah Guidelines on Equity Investment
- » Shariah Guidelines on Property Investment
- » Guideline on Management of Shariah Non-Compliant Fund
- » Shariah Guidelines on Late Payment Charges
- » **TH** Zakat Guideline
- » Framework on Implementation of Shariah Governance For **TH** Investee Companies
- » Shariah Guidelines for Investment in Private Equity Fund
- » Shariah Guidelines for **TH** Marketing, Advertisement, and Promotion
- » Shariah Guidelines for the Events Management, Ceremonies, and Programs

SHARIAH CONTROL FUNCTION

Shariah Review and Monitoring

Shariah Review function refers to the periodic and independent assessment carried out by the Shariah Review Officer in regard to Shariah compliance of the activities of the **TH** Group including but not limited to the processes of product development, service development, operations, investment, and all transactions starting from the structuring stage up to the offering/implementation, ensuring that all complies with the parameters, guidelines and resolutions issued by the SAC and the **TH** Group Shariah Division. This function will be carried out by qualified Shariah officer with the aim of ensuring that everything mentioned above does not contravene with Shariah.

AMALAN ZAKAT TH TH ZAKAT GUIDELINES

“Sejarah Pelaksanaan Zakat TH”

PERSIDANGAN JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA KALI KE-17 YANG BERSIDANG PADA 3 MEI 1979:

Lembaga Urusan Tabung Haji (yang kini ditukar kepada Lembaga Tabung Haji) adalah diwajibkan membayar zakat bagi pihak penyimpan-penyimpan dari wang simpanannya, hasil pelaburan dan harta yang diperniagakan serta segala keuntungan daripadanya.

Lembaga Urusan Tabung Haji sendiri tidak diwajibkan mengeluarkan zakat daripada harta yang didapatinya.

Zakat tersebut hendaklah dibayar kepada Majlis Agama Islam negeri-negeri, mengikut kadar simpanan penyimpan-penyimpan di negeri masing-masing.

“The History of TH Zakat Implementation”

THE 17TH CONFERENCE OF THE NATIONAL FATWA COUNCIL COMMITTEE FOR MALAYSIAN ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS THAT CONVENED ON 3 MAY 1979:

Lembaga Urusan Tabung Haji (now changed to Lembaga Tabung Haji) is required to pay zakat on behalf of depositors from their savings, investments and traded property along with all profits from it.

Lembaga Urusan Tabung Haji itself is not required to pay zakat from its properties.

Zakat must be paid to all state Islamic Religious Councils, based on the respective depositors amount of saving in different states.

AMALAN ZAKAT *TH*

TH ZAKAT GUIDELINES

Bagaimanakah pengiraan Zakat *TH*?

Garis Panduan Zakat *TH* telah dirangka dan diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah (JPS) *TH* pada 20 Januari 2022.



PENGIRAAN BERDASARKAN ZAKAT PERNIAGAAN

- » Mengikut mandat Wakalah, *TH* menguruskan dana pendeposit dengan melabur dana tersebut dalam pelbagai kelas aset.
- » Berdasarkan pertimbangan ini, pengiraan Zakat *TH* dibuat berdasarkan pengiraan Zakat perniagaan dan menggunakan kaedah Modal Kerja Terlaras.

Jenis Zakat yang dibayar adalah Zakat perniagaan dan bukan Zakat simpanan kerana pendeposit telah mewakili kepada *TH* untuk menguruskan dan melaburkan dana simpanan pendeposit.



KADAR ZAKAT

- » Pada Tahun Biasa
2.577%
- » Pada Tahun Lompat
2.5775%

Berlaku perbezaan kadar Zakat pada tahun biasa dan tahun lompat kerana terdapat penambahan hari pada tahun lompat. *TH* juga tidak mengambilkira Zakat sebanyak 2.5 peratus kerana mengikut haul tahun Masihi sebanyak 365 hari berbanding tahun Hijri yang mempunyai 354 hari sahaja.



KONSEP KHULTOH

- » *Khultoh* merujuk kepada gabungan harta yang pelbagai dalam menentukan zakat.
- » JPS *TH* telah memutuskan pengiraan zakat *TH* menggunakan konsep *Khultoh*. Oleh itu, pembayaran Zakat oleh *TH* berdasarkan pengiraan Zakat perniagaan dianggap memenuhi kewajipan penyimpan *TH* dalam membayar Zakat.

How is *TH* Zakat calculated?

The *TH* Zakat Guidelines were established and approved by the *TH* Shariah Advisory Committee (SAC) on 20th January 2022.

CALCULATIONS BASED ON BUSINESS ZAKAT

- » Following the *Wakalah* mandate, *TH* manages the depositor's funds through investments in various asset classes.
- » Based on this, *TH* Zakat calculation is based on business Zakat calculations and adjusted working capital method.

The Zakat paid is classified as business Zakat and not savings Zakat because the depositors have delegated the management and investment of their savings funds to *TH*.

ZAKAT RATE

- » In Ordinary Years
2.577%
- » In Leap Years
2.5775%

There is a difference in Zakat rates between normal years and leap years due to an extra day present in leap years. *TH* also does not account for 2.5 per cent Zakat as it follows the 365 days of the Gregorian Year as compared to the Hijri year which has only 354 days.

KHULTOH CONCEPT

- » *Khultoh* refers to the combination of various assets in determining zakat.
- » JPS *TH* has decided to calculate Zakat using the concept of *Khultoh*. Therefore, the Zakat payment by *TH* based on business Zakat calculations is deemed to fulfil the obligations of depositors in paying their Zakat.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

Penyata ini dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) sejajar dengan garis panduan yang terkandung dalam Akta Lembaga Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan selaku ahli masyarakat yang bertanggungjawab menerusi amalan-amalan terbaik organisasi. Penyata ini menjelaskan tahap dan jenis sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman **TH** untuk tahun kewangan dalam tinjauan.

Lembaga bertanggungjawab menyediakan mekanisme-mekanisme kawalan dalaman yang bertujuan untuk memastikan selera risiko **TH** berada pada tahap toleransi yang munasabah dan bukannya untuk mengekang segala kemungkinan kegagalan organisasi untuk mencapai matlamat dan memenuhi mandatnya. Bagi melindungi dana pendeposit serta pelaburan dan aset **TH**, Lembaga mengenal pasti, menilai, menjejak dan menyelerakkan risiko-risiko kritikal. Proses ini dilakukan secara kerap. Selain Lembaga, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan (“**JPRP**”) adalah Jawatankuasa di peringkat Lembaga yang bertanggungjawab untuk menyelia dan memantau pengurusan risiko dan pematuhan serta memastikan pelaksanaan sistem yang sewajarnya bagi mengurus keseluruhan risiko di **TH**.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (“**JPRP**”)

Lembaga menyedari tanggungjawabnya ke atas semua tindakan **JPRP** berkaitan pelaksanaan peranan yang ditugaskan kepadanya, termasuk hasil semakan dan pendedahan ke atas pengurusan risiko-risiko utama dan pematuhan di dalam laporan ini. **JPRP** seperti yang dijelaskan di dalam Terma Rujukannya (“**TOR**”) adalah bertanggungjawab untuk:

- » Menyemak dan mengesyorkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan **TH**, dasar-dasar yang berkaitan serta penyata selera risiko yang selaras dengan ciri-ciri, saiz, dan kerumitan aktiviti-aktiviti perniagaan untuk kelulusan Lembaga;
- » Menyelia pelaksanaan rangka kerja dan dasar-dasar yang diluluskan bagi memastikan keberkesanan Pengurusan **TH** dalam menguruskan risiko serta pautan Pengawal Selia selain mengesyorkan perubahan-perubahan sewajarnya ke atas dasar atau plan;
- » Meluluskan falsafah serta strategi-strategi risiko dan pematuhan termasuk plan pematuhan dan plan semakan;
- » Menyelia pengurusan keseluruhan risiko pematuhan termasuk AML/CFT dengan memastikan proses yang sewajarnya tersedia dan berfungsi sejajar dengan kehendak Akta dan lain-lain kehendak berkaitan yang digariskan oleh Badan-Badan Kawal Selia;

This statement is issued by Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) in accordance with the guidelines set forth in the Lembaga Tabung Haji Act 1995 (Act 535), as a responsible member of the community and through best organisational practices, respectively. The extent and type of **TH**'s internal control and risk management system for the reviewed financial year are described in this statement.

The Lembaga is responsible for putting in place internal control mechanisms that are intended to manage **TH**'s risk appetite within a reasonable tolerance range, rather than completely remove the possibility of the organisation failing to meet its goals and fulfil its mandate. To protect depositor funds as well as **TH**'s investments and assets, the Lembaga identifies, evaluates, tracks, and disseminates critical risks. This process is done on a regular basis. Aside to Lembaga, the Risk Management & Compliance Committee (“**RMCC**”) also carries its mandates and responsibilities as one of the Committee at Lembaga level to oversee and ensure the implementation of appropriate system to manage the overall risk at **TH**.

RISK MANAGEMENT AND COMPLIANCE COMMITTEE (“**RMCC**”)

The Lembaga acknowledges its role in being responsible for all the actions of **RMCC** regarding the execution of delegated roles, including the outcome of the review and disclosure on key risks and compliance management in this report. **RMCC** as illustrated in its Terms of Reference (“**TOR**”) is responsible for:

- » Review and recommend **TH**'s Risk Management and Compliance Framework, relevant policies as well as risk appetite statement which shall be commensurable with the nature, size and complexity of the institution's business activities for approval by the Lembaga;
- » Oversee the implementation of approved framework and policies to ensure the effectiveness of **TH**'s Management in managing the risks and Regulators expectations as well as recommend necessary changes in policy or plan;
- » Approve the risk and compliance philosophy and strategies including compliance roadmap and review plan;
- » Oversee the overall management of compliance risk including AML/CFT by ensuring the appropriate process is in-place and functioning in accordance to the Act and applicable requirements issued by relevant Regulatory Bodies;

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

- » Menyemak profil risiko **TH** yang sejajar dengan strategi perniagaan dan selera risiko **TH**;
- » Mempromosikan kesedaran dan budaya pengurusan risiko di dalam Kumpulan **TH**;
- » Memastikan Jabatan Risiko & Pematuhan (“JRP”) dilengkapi dengan sistem, prasarana dan sumber-sumber yang mencukupi bagi membolehkannya mengenal pasti dan mengurus risiko-risiko berkaitan aktiviti perniagaan **TH** secara berkesan sepanjang masa dan semasa tempoh tekanan;
- » Menyemak dan menilai prestasi Ketua Pegawai Risiko dan Pematuhan (“KPRP”); dan
- » Memantau pematuhan terhadap struktur had risiko, dasar-dasar, dan prosedur-prosedur **TH** berkaitan tadbir urus pengurusan risiko, amalan-amalan, dan kawalan risiko di **TH** secara menyeluruh.

Sementara itu, Pengurusan menyedari tanggungjawabnya mengenal pasti dan menilai risiko-risiko selain memantau pencapaian matlamat dan objektif-objektif perniagaan di dalam rangkuman toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga. Secara ringkasnya, Pengurusan bertanggungjawab:

- » Melaksanakan rangka kerja, dasar-dasar, dan prosedur-prosedur kawalan dalaman yang diluluskan oleh Lembaga;
- » Melaksanakan proses-proses mengenal pasti, menilai, memantau, dan melaporkan risiko serta keberkesanan sistem kawalan dalaman, dengan mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya; dan
- » Meyakinkan Lembaga bahawa sistem kawalan dalaman **TH** beroperasi dengan mencukupi dan berkesan dalam semua aspek penting berdasarkan sistem kawalan dalaman yang tersedia.

JPRP dianggotai oleh anggota Pengarah Bukan Eksekutif dan disokong oleh KPRP dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada Lembaga berkaitan perkara-perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat JPRP.

- » Review **TH**'s risk profile that is consistent with **TH**'s business strategy and risk appetite;
- » Promote awareness and risk management culture within **TH**'s Group;
- » Ensure Risk & Compliance Department (“RCD”) is equipped with adequate system, infrastructure and resources to effectively identify and manage risk associated with **TH**'s business activities on daily basis and during stress period;
- » Review and assess the performance of the Chief Risk and Compliance Officer (“CRCO”); and
- » Monitor the compliance with **TH**'s risk limits structure, policies and procedures relating to risk management governance, practices and risk controls across **TH**.

Meanwhile, the Management acknowledges the responsibility to identify and evaluate the risks as well as the responsibility to monitor the achievement of business goals and objectives within the risk tolerance approved by the Lembaga. Briefly, the Management is responsible to:

- » Implement Lembaga approved frameworks, policies and procedures on internal control.
- » Implement the processes of identifying, evaluating, monitoring and reporting risks and the effectiveness of internal control systems, taking appropriate and timely corrective actions as required; and
- » Assure the Lembaga that **TH**'s internal control systems are operating adequately and effectively, in all material aspects based on the established internal control system.

RMCC comprises Non-Executive Directors and is supported by CRCO in discharging its responsibilities to the Lembaga on key matters deliberated at the RMCC meetings.

Anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan (JPRP)
Risk Management and Compliance Committee Members (RMCC)

Bil. / No.	Anggota / Members	Keahlian / Membership	Lantikan / Appointment	Kehadiran Attendance
1.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	Pengerusi / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Chairman / Independent Non-Executive Director	23 November / November 2022	6/6
2.	Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed	Anggota / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Member / Independent Non-Executive Director	14 April / April 2023	6/6
3.	Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	Anggota / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Member / Independent Non-Executive Director	30 September / September 2024	2/2*
4.	Puan Nor Adila Ismail	Anggota / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Member / Independent Non-Executive Director	1 Disember / December 2024	1/1*
Bil. / No.	Mantan anggota Former Members	Keahlian / Membership	Tamat Lantikan / Completion	Kehadiran Attendance
1.	Dr. Mohd Faisal Mustafa	Anggota / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Member / Independent Non-Executive Director	17 Ogos / August 2024	4/4*
2.	Ir. Abd Mokhti Salleh	Anggota / Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Member / Independent Non-Executive Director	31 Oktober / October 2024	3/5*


* Mewakili bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2024 semasa tempoh pelantikan. / Represents the number of meetings held in 2024 during the appointment term.

Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perusahaan (“ERM”) **TH** menjadi asas kepada pendekatan **TH** dalam menguruskan risiko. Rangka Kerja ini merangkumkan program-program seluruh perusahaan **TH** untuk pengurusan risiko, termasuk pengenalpastian, penilaian, pengukuran, pengawalan, pemantauan, dan pelaporan risiko-risiko utama **TH**. Rangka Kerja ini bertujuan mempromosikan pemahaman mengenai peranan-peranan, tanggungjawab-tanggungjawab, dan kuasa-kuasa untuk pengurusan risiko di **TH**.

Risk Management

TH's Enterprise Risk Management (“ERM”) Framework serves as the foundation for **TH** approach to risk management. This Framework provides an overview of **TH**'s enterprise-wide programs for managing risks, including identifying, assessing, measuring, controlling, monitoring and reporting on the principal risks faced by **TH**. The intent of this Framework is to promote an understanding of the roles, responsibilities, and authorities for the management of risk at **TH**.



Rajah 1: Binaan Pengurusan Risiko Bersepadu **TH**
Figure 1: **TH** Enterprise Risk Management Architecture

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

Binaan Pengurusan Risiko Perusahaan **TH** merupakan pendekatan menyeluruh terhadap pengurusan risiko di seluruh perusahaan **TH**, seperti yang digariskan dalam Rangka Kerja ini, dan disokong oleh lapan (8) aspek risiko yang khusus;

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, pengurusan risiko di seluruh perusahaan **TH** terbahagi kepada lapan (8) kategori risiko, yang menyediakan hala tuju dan pemahaman tentang bagaimana risiko-risiko tertentu mempengaruhi **TH**, serta bagaimana risiko-risiko ini dikenalpasti, dinilai, diukur, diurus, dikurangkan, dipantau, dan dilaporkan. Secara amnya, dasar-dasar/rangka kerja/garis panduan seluruh perusahaan dianggap sebagai kehendak minimum **TH**, yang menggariskan parameter di dalam mana kumpulan-kumpulan perniagaan dan kakitangan harus beroperasi bagi menangani risiko.

FOKUS PERANCANGAN RISIKO DAN PEMATUHAN 2024

Pada 2024, Risiko dan Pematuhan **TH** fokus kepada fasa pemurnian yang bertujuan meningkatkan kejituan dan kebolehsuaian menerusi pemurnian berterusan. Fasa ini tertumpu kepada tiga (3) aspek utama:

- » Membangunkan strategi komprehensif dan memperkukuhkan metodologi penilaian risiko bagi meningkatkan pemantauan dan ramalan, dengan merangkumkan risiko-risiko baru muncul, perubahan-perubahan kawal selia, dan perubahan lanskap perniagaan bagi memastikan pengurusan risiko yang efektif di seluruh **TH**.
- » Memeriksa amalan-amalan dan prosedur-prosedur pematuhan sedia ada bagi mengenal pasti jurang-jurang, melaksanakan alat-alat pematuhan yang efektif yang ditanda aras berbanding amalan-amalan terbaik industri bagi mengekalkan pematuhan dalam lanskap kawal selia yang semakin berubah; dan
- » Membantu dalam pembangunan rangka kerja dan proses-proses berstruktur untuk pengurusan risiko dan pematuhan di anak-anak syarikat **TH**, memastikan penyeliaan menyeluruh ke atas aktiviti-aktiviti risiko dan pematuhan, selain mempromosikan ketelusan serta keyakinan pemegang taruh terhadap organisasi.

TH's Enterprise Risk Management Architecture is an overarching approach to **TH's** enterprise-wide risk management, as reflected in this Framework, and is further supported by eight (8) risk-specific areas;

As illustrated in Figure 1, **TH's** enterprise-wide risk management are categorised into eight (8) risk-specific areas, providing direction and insights on how respective risks affect **TH**, and how those risks are identified, assessed, measured, managed, mitigated, monitored and reported. In general, enterprise-wide policies/frameworks/guidelines are considered **TH's** minimum requirements, articulating the parameters within which business groups and employees must operate to manage risks.

RISK AND COMPLIANCE 2024 FOCUSED PLAN

In 2024, **TH's** Risk and Compliance focused on a refinement phase aimed at enhancing precision and adaptability through continuous refinement. This phase concentrates on three (3) key areas:

- » Developing a comprehensive strategy and strengthening risk assessment methodologies to improve risk prediction and monitoring, incorporating emerging risks, regulatory changes, and changing business landscapes to ensure effective risk management across **TH**.
- » Examining existing compliance practices and procedures to identify gaps, implementing effective compliance tools benchmarked against industry best practices to maintain adherence in an evolving regulatory landscape; and
- » Facilitating the establishment of a structured framework and processes for risk and compliance management at **TH** subsidiaries, ensuring comprehensive oversight of risk activities and compliance adherence as well as promotes transparency and stakeholders' confidence to the organisation.

Aspek Tumpuan / Focus Area	Objektif Strategik / Strategic Objective	
Piawaian Penilaian & Pendekatan Pemantauan Assessment Standard & Monitoring Approach	- Mengemaskini metodologi pengenalpastian risiko bagi merangkumkan risiko baru muncul, perubahan-perubahan kawal selia & perubahan dalam lanskap perniagaan. - Meningkatkan penilaian analitikal bagi meningkatkan ramalan risiko.	- Update the risk identification methodologies to incorporate emerging risk, regulatory changes & changing business landscapes. - Enhance analytical assessment to improve risk predictions.
Penilaian Protokol Pemuatan Sedia Ada Evaluation of Existing Compliance Protocol	Meningkatkan sistem pemantauan proaktif bagi mengesan dan menangani potensi ketidakpatuhan dalam masa nyata.	Enhance a proactive monitoring system to detect and address potential non-compliance in real-time.
Menginstitutionalkan Fungsi Penyeliaan Kumpulan Institutionalise Group Oversight Function	Menjalin komunikasi/menubuhkan fungsi Pemuatan di anak-anak syarikat.	To touch base/establish Compliance function at subsidiaries.

HIJRAH24 – TADBIR URUS (PENGURUSAN RISIKO YANG MANTAP)

- » Kematangan budaya Risiko & Pemuatan perlu dipupuk – harus dibangunkan dari peringkat atasan.
- » Selera Risiko dirangkumkan dalam semua pelan strategik dan perniagaan, dengan tahap kesedaran yang berbeza-beza.
- » Meningkatkan penjejakan Pengesanan Risiko dan Tindakan Pembetulan bagi mengurangkan sisa risiko.

HIJRAH24 - GOVERNANCE (ROBUST RISK MANAGEMENT)

- » Maturity of Risk & Compliance culture needs nurturing – must develop with the right tone from the top.
- » Risk Appetite is integrated in all strategic and business planning, while awareness varies.
- » Enhance Risk Detection and Corrective Actions tracking to mitigate residual risks.

Aspek Tumpuan / Focus Area	Objektif Strategik / Strategic Objective	
Budaya Tadbir Urus Pemuatan Compliance Governance Culture	- Meningkatkan kapasiti dan keupayaan. - Meningkatkan peranan dan tanggungjawab Pegawai Khas Risiko & Pemuatan (DRCO). - Menginstitutionalkan fungsi pemuatan. - Melaksana dan mengoptimalkan alat-alat pemuatan. - Memperkuatkan Risiko dan Pemuatan Syariah.	- Improve the capacity and capability. - Enhance roles and responsibilities of Designated Risk & Compliance Officer (DRCO). - Institutionalise the compliance function. - Implement and optimise compliance tools. - Strengthen the Shariah Risk and Compliance.
Pelan Strategi Risiko Risk Plans of Attack	- Membangunkan strategi “top-down” bagi merangkumkan budaya risiko & pemuatan agar organisasi mencapai kejayaan dalam cara yang betul. - Menerapkan pengetahuan dan penggunaan Selera Risiko di seluruh syarikat. - Memastikan keberkesanan pengesanan risiko, perlindungan, dan pemantauan tindakan pembetulan.	- Develop top-down strategy to inculcate risk & compliance culture to enable the organisation to win in the right way. - Embed company-wide knowledge and use of Risk Appetite. - Ensure effective risk detection, protection and monitoring of corrective actions.
Penyelidikan Risiko Kumpulan TH TH Group Risk Oversight	- Menilai kesedaran mengenai isu-isu risiko & pemuatan menerusi aktiviti libat urus di seluruh Kumpulan. - Melaksanakan fungsi penyelidikan Kumpulan.	- Assess the awareness on risk & compliance issues via Group-wide engagement. - Implement Group oversight function.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

Pada 2024, kami berjaya melengkapkan inisiatif HIJRAH24 yang tertumpu ke atas pengurusan risiko yang mantap, termasuk perangkuman selera risiko ke dalam semua proses-proses perancangan strategik dan perniagaan, pengesanan kelemahan dalam reka bentuk kawalan secara proaktif, dan pembangunan mekanisme penjejakan yang teliti.

JAWATANKUASA AUDIT DAN TADBIR URUS (“JATD”)

Lembaga bertanggungjawab ke atas semua tindakan JATD berkaitan prestasi peranan-peranan yang diberikan, termasuk keputusan semakan serta pendedahan risiko-risiko penting dan mekanisme kawalan dalaman di dalam laporan ini. Menurut Terma Rujukannya (“TOR”), JATD bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut mengenai kawalan dalaman:

- » Memastikan pematuhan kepada peruntukan-peruntukan Badan Berkanun (Akaun-akaun dan Laporan-laporan Tahunan) Akta 1980 (Akta 240) dan Pekeliling-pekeliiling Perbendaharaan atau arahan-arahan berkaitan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa untuk penyediaan dan penyerahan penyata-penyata kewangan dan laporan-laporan tahunan;
- » Menyemak dan menyokong penyata-penyata kewangan dan hal-hal audit **TH** dan Kumpulan **TH**;
- » Memantau rangka kerja kawalan dalaman **TH** serta memastikan keberkesanan operasi dan pematuhan kepada kehendak-kehendak kawal selia;
- » Menilai kecukupan dan keberkesanan fungsi Audit Dalam (“AD”) **TH** dengan:
 - Menyemak Piagam Audit, Pelan Tahunan Audit Dalam, program-program audit, keperluan sumber anggota, belanjawan tahunan fungsi AD serta menilai kemampuannya melaksanakan aktiviti-aktiviti secara bebas dan objektif;
 - Menyemak laporan-laporan dan dapatan-dapatan seperti yang dibentangkan semasa mesyuarat, serta menyemak dapatan-dapatan penting serta maklum balas Pengurusan, dan mengesahkan sama ada tindakan-tindakan sewajarnya telah diambil;
 - Mencadangkan kepada Lembaga mengenai pelantikan, pemindahan, pemecatan (termasuk penamatan jawatan dan penyingkiran) Ketua Audit Dalam Kumpulan (“KADK”);
 - Menilai prestasi KADK serta anggota-anggota di bawah seliaannya; dan
 - Menerima makluman mengenai pelantikan, pemindahan, pemecatan, dan peletakan jawatan anggota dalam fungsi AD.

In 2024, we successfully completed the HIJRAH24 efforts centred on robust risk management, including incorporating risk appetite into all strategic and business planning processes, proactively detecting control design shortcomings, and developing a thorough tracking mechanism.

AUDIT AND GOVERNANCE COMMITTEE (“AGC”)

The Lembaga is responsible for all AGC’s actions related to the performance of assigned roles, including the results of the review and the disclosure of major risks and internal control mechanisms mentioned in this report. In accordance with its Terms of Reference (“TOR”), AGC is in charge of the following with regard to internal control:

- » Ensure adherence to the provisions of the Statutory Bodies (Accounts and Annual Reports) Act 1980 (Act 240) and the relevant Treasury Circulars or orders issued from time to time for the preparation and submission of the financial statements and annual reports;
- » Review and endorse **TH** and **TH** Group’s financial statements and audit matters;
- » Oversee **TH**’s internal control framework and ensure operational effectiveness and compliance with regulatory requirements;
- » Assess the adequacy and effectiveness of **TH**’s Internal Audit (“IA”) function by:
 - Reviewing the Audit Charter, Annual Internal Audit Plan, audit programmes, staff resource requirements, annual budget of the IA function and assessing its ability to undertake activities independently and objectively;
 - Reviewing the reports and findings as presented during meeting, as well as examining major findings and Management’s response, and confirming whether appropriate actions have been undertaken;
 - Recommending to the Lembaga the appointment, transfer, dismissal (including termination and removal) of the Head of Group Internal Audit (“HGIA”);
 - Assessing the performance of the HGIA and his direct reports; and
 - Receiving notification on appointments, transfers, dismissals, and resignations of staff within the IA function.

- » Memastikan kewujudan mekanisme semak dan imbang;
- » Memantau proses siasatan dan sebarang tindakan-tindakan pembetulan yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa dan/atau Lembaga.

Pada masa yang sama, Pengurusan menyedari tanggungjawabnya untuk mengenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi selain mengawasi pencapaian sasaran-sasaran dan matlamat-matlamat perniagaan di dalam rangkuman toleransi risiko yang diluluskan oleh Lembaga. Secara keseluruhannya, Pengurusan bertanggungjawab:

- » Mengamalkan rangka kerja, dasar-dasar dan prosedur-prosedur kawalan dalaman yang telah diluluskan oleh Lembaga;
- » Mengetahui, menilai dan memantau kecekapan sistem kawalan dalaman serta mengambil tindakan pembetulan yang segera apabila perlu;
- » Mengesahkan kepada Lembaga bahawa sistem-sistem kawalan dalaman **TH** berfungsi dengan baik dan berkesan dalam semua aspek berkaitan, sejajar dengan sistem kawalan dalaman yang diwujudkan.

JATD dianggotai oleh anggota Lembaga dan dibantu oleh KADK dalam menjalankan tugas kepada Lembaga berkaitan isu-isu penting yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat JATD.

Mesyuarat-mesyuarat diadakan dengan kehadiran Pengarah Eksekutif Kewangan Kumpulan dan Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif. Wakil-wakil Pengurusan Kanan dari jabatan-jabatan yang berkaitan juga dijemput menghadiri mesyuarat apabila perlu untuk membantu dalam perbincangan.

Semasa Tahun Kewangan 2024, JATD telah bermesyuarat sebanyak 11 kali, di mana empat (4) daripadanya adalah Mesyuarat Khas. JATD telah memenuhi forum yang ditetapkan dalam TOR dalam kesemua 11 mesyuarat tersebut.

- » Ensure check and balance mechanism is in place;
- » Oversee the investigation process and any remedial actions initiated by the Committee and/or Lembaga.

Concurrently, the Management recognises its obligation to recognise and assess the risks encountered and to track the accomplishment of business goals and objectives within the Lembaga-approved risk tolerance. Overall, the Management has to:

- » Put into practice internal control frameworks, policies and procedures that have been approved by the Lembaga;
- » Identify, assess and monitor on the efficacy of internal control systems and take prompt corrective action when necessary;
- » Confirm to the Lembaga that **TH's** internal control systems are functioning suitably and successfully in all relevant aspect, in accordance with established internal control systems.

The AGC is made up of members of the Lembaga and is assisted by the HGIA in carrying out its duties to the Lembaga regarding pertinent issues discussed at AGC meetings.

Meetings are organised in the attendance of Group Finance Executive Director and Group Managing Director & Chief Executive Officer. Senior Management representatives from related departments are also invited to the meetings as needed to help facilitate in-depth discussions.

During the Fiscal Year 2024, the AGC convened 11 meetings, four (4) of which were Special Meetings. The AGC met the required quorum as specified in its approved TOR at all the 11 meetings.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN
STATEMENT ON RISK MANAGEMENT AND INTERNAL CONTROL

Anggota Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus (“JATD”)
Audit and Governance Committee Members (“AGC”)

Bil. / No.	Anggota / Members	Keahlian / Membership	Lantikan / Appointment	Kehadiran / Attendance
1.	Asril Rahman Abdul Hadi	Pengerusi / Anggota Chairman / Member	24 Ogos / August 2023	11/11
2.	Prof. Dr. Ashraf Md Hashim	Anggota / Member	18 November / November 2020	10/11
3.	Datin Paduka Kartini Abdul Manaf	Anggota / Member	6 September / September 2021	10/11
4.	Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	Anggota / Member	30 September / September 2024	2/3*
Bil. / No.	Mantan Anggota / Former Members	Keahlian / Membership	Tamat Lantikan / Completion	Kehadiran / Attendance
1.	Dr. Mohd Faisal Mustaffa	Anggota / Member	17 Ogos / August 2024	7/7*

* Mewakili bilangan mesyuarat yang diadakan pada tahun 2024 semasa tempoh pelantikan. / Represents the number of meetings held in 2024 during the appointment term.

Sepanjang 2024, JATD telah melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab berikut dengan berkesan:
During 2024, AGC has effectively discharged its duties through the following:

 Audit Dalam Internal Audit	» Menyemak dan meluluskan: • Pelan Audit Berasaskan Risiko 2025 • Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam Laporan Tahunan 2023; dan • Semakan Piagam Audit Dalam TH » Status penutupan temuan audit; » Perbincangan mengenai laporan-laporan Audit Dalam serta pelan tindakan Pengurusan. Di mana wajar, JATD mengarahkan Pengurusan untuk memperbetul dan meningkatkan sistem kawalan berdasarkan saranan dan cadangan penambahbaikan oleh Audit Dalam; dan » Memaklumkan pelaksanaan cadangan Audit Dalam oleh pihak Pengurusan berkaitan isu-isu tertunggak bagi memastikan bahawa semua risiko utama dan kelemahan kawalan ditangani dengan sewajarnya.	» Reviewed and approved: • Risk Based Audit Plan 2025 • Statement on Risk Management and Internal Control for 2023 Annual Report; and • Revision of TH Internal Audit Charter » Status of closure of audit observations » Deliberated on the Internal Audit reports and Management’s action plan. Where appropriate, AGC instructed Management to rectify and improve the control systems based on Internal Audit’s recommendations and suggestions for improvements; and » Keep updated on Management’s implementation of the Internal Audit recommendations on outstanding issues to ensure that all key risks and control weaknesses were being properly addressed.
---	---	--

SISTEM KAWALAN DALAMAN

Sistem-sistem kawalan dalaman **TH** dibangunkan berlandaskan prinsip-prinsip Maqasid Syariah sebagai nilai-nilai asasnya. Elemen-elemen utama dalam sistem kawalan dalaman yang dibangunkan oleh Lembaga bagi tujuan mewujudkan tadbir urus yang baik dan sistem kawalan dalaman yang berkesan termasuk:

» Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga iaitu Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus, Panel Pelaburan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Jawatankuasa Penasihat Syariah, Jawatankuasa Urusan Haji, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan, Jawatankuasa Tatatertib, dan Jawatankuasa Rayuan Tatatertib;

INTERNAL CONTROL SYSTEMS

TH’s internal control systems are designed with Maqasid Shariah principles as its foundational ideals. The Lembaga’s internal control systems, which are designed to provide good governance and efficient internal control systems, have the following essential components:

» The Lembaga Committees namely Audit and Governance Committee, Investment Panel, Risk Management and Compliance Committee, Shariah Advisory Committee, Hajj Operations Committee, Nomination and Remuneration Committee, Disciplinary Committee and Disciplinary Appeal Committee;

- » Pentakrifan tanggungjawab dan kuasa yang jelas bagi membolehkan maklum balas segera, pengawasan berkesan ke atas perjalanan harian perniagaan serta akauntabiliti;
- » Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam diterbitkan oleh Lembaga dan Pengurusan bagi menyediakan jaminan sewajarnya ke arah mencapai keseluruhan objektif perniagaan, selain melindungi dan mempertingkatkan pelaburan dan aset;
- » Penubuhan Rangka Kerja, Dasar, Manual dan Prosedur sebagai dokumen rujukan utama yang menggariskan dasar-dasar dan tadbir urus berserta proses-proses dan fungsi-fungsi yang ditakrif dengan jelas di dalam organisasi.

Sepanjang HIJRAH24 dan tahun tinjauan, terdapat beberapa peristiwa penting yang telah dicapai:

- » Semakan Penilaian Kualiti Luaran ("EQAR") yang dijalankan oleh Institut Juruaudit Dalam Malaysia ("IIA") pada suku keempat tahun 2022, di mana **TH** telah dianugerahkan dengan pemuatan umum;
- » Penambahbaikan Pelan Audit Berasaskan Risiko ("RBAP") 2024 melalui semakan dan pengenalan jurang dalam RBAP sedia ada berdasarkan cadangan EQAR;
- » Pelaksanaan Penilaian Kendiri Kawalan yang dipertingkatkan untuk menggalakkan pendekatan proaktif terhadap pengurusan risiko dan kawalan dalaman dengan menggalakkan pemantauan berterusan dan penambahbaikan proses;
- » Penambahbaikan Manual Audit untuk mencerminkan perubahan dalam struktur, strategi, dan operasi, memastikan fungsi audit kekal relevan dan selaras dengan matlamat organisasi;
- » Penubuhan fungsi Analitik Data dalam Bahagian Audit Dalam Kumpulan untuk meningkatkan proses audit dengan membolehkan analisis set data yang lebih cekap, tepat, dan bermaklumat, yang membawa kepada pengenalan risiko dan penilaian kawalan yang lebih baik;
- » Piagam Audit Dalam **TH** telah disemak semula untuk mencerminkan pemisahan fungsi Audit Dalam dan Integriti, berkuatkuasa mulai 18 Mac 2024, yang menandakan langkah penting dalam meningkatkan rangka kerja tadbir urus.

Semua sistem, dasar, amalan dan proses di **TH** tidak menerima laporan tidak baik atau menunjukkan kelemahan atau kekurangan ketara dari segi kecukupan dan integriti kawalan dalaman. Tambahan lagi, tiada kerugian kewangan yang ketara berlaku sepanjang tahun kewangan yang ditinjau akibat sebarang kekurangan dalam sistem kawalan dalaman **TH**.

Penyata ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga bertarikh 17 Mac 2025.

- » Clearly defined lines of responsibilities and authorities to facilitate prompt responses, effective supervision of day-to-day business conducts and accountability;
- » Risk Management and Internal Control Statement is issued by the Lembaga and the Management to provide reasonable assurance towards achieving the overall business objectives, as well as safeguarding and enhancing the investments and assets;
- » Establishment of Framework, Policy, Manual and Procedures as main reference documents that outlines the policies and governance with clearly defined processes and functions within the organisation.

During the HIJRAH24 and year under review, a few milestones were achieved:

- » External Quality Assessment Review ("EQAR") conducted by the Institute of Internal Auditors Malaysia ("IIA") in the fourth quarter of 2022, where **TH** was awarded with general conformance;
- » Enhancement of Risk Based Audit Plan ("RBAP") 2024 through review and identification of gap in the existing RBAP against EQAR recommendations;
- » Deployment of the enhanced Control Self-Assessment to promote a proactive approach to risk management and internal controls by encouraging continuous monitoring and improvement of processes;
- » Enhancement of Audit Manual to reflect changes in structure, strategy, and operations, ensuring that the audit function remains relevant and aligned with organizational goals;
- » Establishment of Data Analytics function within the Group Internal Audit Division to enhance the audit process by enabling more efficient, accurate, and insightful analysis of large datasets, leading to better risk identification and control assessments;
- » The **TH** Internal Audit Charter was revised to reflect the separation of the Internal Audit and Integrity functions, effective from 18 March 2024, which marks a pivotal step in enhancing the governance framework.

The systems, policies, practices and processes of **TH** received no adverse reports nor significant weakness or deficiencies in the adequacy and integrity of internal controls. Moreover, no substantial financial losses were incurred during the reviewed financial year as a result of any shortcomings in the **TH** internal control systems.

This Statement is made in accordance with resolution of the Lembaga dated 17 March 2025.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**

REPORT OF THE **TH** SHARIAH ADVISORY COMMITTEE



الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على نبينا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين، وبعد،

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Kami, ahli-ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH** (JPS **TH**), selaras dengan tanggungjawab yang digariskan di dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah **TH** mengemukakan laporan Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

- » JPS telah menasihati Lembaga berkenaan perkara-perkara Syariah yang dikemukakan oleh Pengurusan **TH** melalui keputusan-keputusan Syariah yang dibuat oleh JPS **TH** berhubung operasi dan aktiviti pelaburan bagi memastikan kepatuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah berdasarkan piawaian Syariah yang diiktiraf oleh JPS **TH**.
- » Menjadi tanggungjawab Pengurusan **TH** bagi memastikan segala aktiviti yang dijalankan mematuhi segala prinsip Syariah dengan merujuk kepada JPS **TH** dan mendapatkan nasihat mengenai perkara berkaitan Syariah serta melaksanakan segala polisi Syariah yang diluluskan oleh JPS **TH**.
- » Dalam menjalankan tanggungjawab seperti yang digariskan dalam polisi yang berkaitan, JPS **TH** disokong oleh fungsi Perundingan dan Kajian Syariah serta fungsi Semakan dan Pemantauan Syariah.
- » Sepanjang tahun 2024, sebanyak enam (6) mesyuarat JPS **TH** telah dijalankan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan cadangan aktiviti pelaburan, pembangunan garis panduan Syariah dan prosedur operasi piawai, isu-isu Syariah berkaitan pengurusan operasi simpanan **TH**, laporan-laporan berkala berkaitan kedudukan dana pendapatan tidak patuh Syariah, makluman daripada Bahagian Syariah Kumpulan, zakat dan sebagainya.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

We, the members of the **TH** Shariah Advisory Committee (**TH** SAC), in accordance with the responsibilities outlined in the **TH** Shariah Governance Framework, submit the report of the Shariah Advisory Committee for the financial year ending 31 December 2024.

- » **TH** SAC has advised the Lembaga regarding Shariah matters presented by **TH** Management through Shariah decisions made by **TH** SAC concerning to operations and investment activities to ensure compliance with Shariah principles based on Shariah standards recognised by **TH** SAC.
- » It is the responsibility of **TH** Management to ensure that all activities carried out comply with all Shariah principles by referring to the **TH** SAC, seeking advice on Shariah-related matters, and implementing all Shariah policies approved by the **TH** SAC.
- » In carrying out its responsibilities as outlined in the relevant policy, **TH** SAC is supported by Shariah Advisory and Research function as well as Shariah Review and Monitoring function.
- » Throughout the year 2024, a total of six (6) **TH** SAC meetings were held to discuss matters related to proposed investment activities, the development of Shariah guidelines and standard operating procedures, Shariah issues related to the management of **TH** deposit operations, periodic reports related to the status of Shariah non-compliant fund, notification from the Group Shariah Division, zakat and other relevant topics.

PERKEMBANGAN PENTING BAHAGIAN SYARIAH KUMPULAN

» SEKSYEN PERUNDINGAN DAN KAJIAN SYARIAH

Seksyen Perundingan dan Kajian Syariah berfungsi sebagai rujukan untuk memberikan khidmat nasihat Syariah berkenaan aktiviti **TH** kepada jabatan-jabatan yang berkaitan. Selain itu, seksyen ini juga akan melakukan penyelidikan Syariah terhadap isu-isu yang berkait dengan pelaburan dan aktiviti **TH** serta membangunkan polisi dalaman seperti rangka kerja, garis panduan dan prosedur yang berkaitan. Garis panduan baru yang telah dibangunkan pada tahun 2024 adalah sebagaimana yang berikut:

1. Garis Panduan Syariah untuk Pelaburan Dana Ekuiti Persendirian
2. Garis Panduan Syariah Untuk Pemasaran, Pengiklanan, dan Promosi **TH**
3. Garis Panduan Syariah Bagi Pengurusan Acara, Majlis dan Program

Manakala garis panduan yang berikut telah dibuat semakan dan dikemaskini pada tahun 2024:

1. Garis Panduan Syariah bagi Pelaburan Ekuiti
2. Garis Panduan Syariah bagi Pelaburan Hartanah

Selain kerja-kerja dalaman, sesi libat urus bersama agensi kerajaan yang berkenaan telah dijalankan bagi memberikan pendedahan dan perkongsian berkenaan amalan zakat di **TH** berdasarkan Garis Panduan Zakat **TH**. Majlis Raja-Raja di dalam Mesyuarat Yang Ke-267 pada 23 dan 24 Oktober 2024 telah mengambil maklum mengenai pandangan hukum yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) berkenaan Amalan Zakat Lembaga Tabung Haji Sebagai Sebuah Institusi Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC).

» SEKSYEN SEMAKAN DAN PEMANTAUAN SYARIAH

Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah terus memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti dan operasi berkaitan pelaburan yang dijalankan oleh **TH** tidak melanggar prinsip Syariah. Pelan Semakan Syariah untuk tahun kewangan 2024 telah diluluskan oleh JPS **TH** untuk pelaksanaannya. Laporan Semakan Syariah juga telah dibincangkan dalam mesyuarat untuk mengesahkan bahawa operasi dan pelaburan **TH** telah mematuhi Syariah sebagaimana keputusan yang dikeluarkan JPS **TH**. Segala pemerhatian dan cadangan penambahbaikan yang dikenal pasti oleh Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah telah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat JPS **TH**.

IMPORTANT DEVELOPMENTS OF THE GROUP SHARIAH DIVISION

» SHARIAH ADVISORY AND RESEARCH SECTION

Shariah Advisory and Research Section functions as a reference to provide Shariah advisory services regarding **TH** activities to relevant departments. In addition, this section will also conduct Shariah research on issues related to investment and **TH** activities as well as to develop internal policies such as related frameworks, guidelines and procedures. New Shariah Guidelines developed in 2024 are as follows:

1. Shariah Guidelines for Investment in Private Equity Fund
2. Shariah Guidelines for **TH** Marketing, Advertisement, and Promotion
3. Shariah Guidelines for the Events Management, Ceremonies, and Programs

The following guidelines have been reviewed and updated in 2024:

1. Shariah Guidelines on Equity Investments
2. Shariah Guidelines on Property Investments

In addition to internal work, engagement sessions with relevant government agencies were conducted to provide exposure and sharing of zakat practices at **TH** based on the **TH** Zakat Guidelines. Majlis Raja-Raja in its 267th Meeting held on 23 and 24 October 2024, took note of the Shariah opinion agreed upon by the Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) regarding the Zakat Practices of Lembaga Tabung Haji as a Government-Linked Investment Institution (GLIC).

» SHARIAH REVIEW AND MONITORING SECTION

The Shariah Review and Monitoring section continues to play an important role in ensuring that investment-related activities and operations carried out by **TH** do not contravene Shariah principles. The Shariah Review Plan for the financial year 2024 has been approved by **TH** SAC to be carried out. The Shariah Review Report has been deliberated in the meeting to confirm that **TH**'s operations and investments have complied with Shariah decisions as issued by **TH** SAC. All observations and suggestions for improvement identified by the Shariah Review and Monitoring section were presented and discussed in the **TH** SAC meeting.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH** REPORT OF THE **TH** SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

Pada tahun kewangan 2024, Laporan Semakan Syariah telah dibentangkan kepada ahli-ahli JPS **TH** sebagaimana yang berikut:

- Proses Peralihan Indeks daripada “Dow Jones Islamic Market Index (DJIM)” kepada “MSCI All Country World Index (MSCI ACWI)”.
- Anak-Anak Syarikat **TH**.
- Pengurusan Dana Tidak Patuh Syariah **TH**.
- Cawangan-Cawangan **TH** Yang Terpilih di Wilayah Tengah & Wilayah Sabah dan Sarawak.

Pemantauan berterusan juga telah dijalankan oleh Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah di mana laporan status pelaburan saham dan ekuiti bagi tahun kewangan 2024 telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat JPS **TH**.

Secara keseluruhannya, sehingga 31 Disember 2024, hanya terdapat satu insiden berkaitan kepatuhan Syariah yang telah berlaku, melibatkan satu anak syarikat bersekutu **TH**. JPS **TH** telah mengesahkan bahawa anak syarikat bersekutu tersebut telah melanggar nisbah hutang terhadap aset keseluruhan seperti yang ditetapkan oleh JPS **TH**. Walau bagaimanapun, pelan tindakan yang telah diluluskan oleh JPS **TH** telah dilaksanakan bagi mengembalikan status anak syarikat tersebut kepada Patuh Syariah.

Selain daripada kerja-kerja semakan dan pemantauan, Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memupuk budaya pematuhan Syariah dalam kalangan warga kerja **TH** seperti yang berikut:

- Pensijilan “Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF)” untuk Pegawai Perhubungan Syariah (PPS) yang telah dilantik di setiap jabatan.
- Pelaksanaan Program Pembudayaan Pematuhan Syariah dalam kalangan Warga Kerja **TH**.
- Penambahbaikan Dokumen Dalaman dalam Seksyen Semakan dan Pemantauan Syariah.

In the financial year 2024, the Shariah Review Report was presented to the members of **TH** SAC as follows:

- Transition Process of the Index from the “Dow Jones Islamic Market Index (DJIM)” to the “MSCI All Country World Index (MSCI ACWI).”
- **TH** Subsidiaries.
- Management of **TH** Shariah Non-Compliant Funds.
- Selected **TH** Branches within the Central Region & Sabah and Sarawak Regions.

Shariah Review and Monitoring Section has carried out continuous monitoring where the stock and equity investment status report for the financial year 2024 has been presented and deliberated in the **TH** SAC meeting.

Overall, as of 31st December 2024, there was only one Shariah compliance related incident involving a **TH** associate company. **TH** SAC confirmed that the associate company breached in the debt-to-total-assets ratio, as specified by **TH** SAC. However, the action plan approved by **TH** SAC has been implemented to restore the company’s status to Shariah-Compliant.

In addition to review and monitoring activities, the Shariah Review and Monitoring Section has implemented several initiatives to foster a culture of Shariah compliance among **TH** employees, including the following:

- Certification of the “Associate Qualification in Islamic Finance (AQIF)” for Shariah Liaison Officers (SLO) appointed from each department.
- Implementation of a Shariah Compliance Culture Program among **TH** staff.
- Enhancement of internal documents within the Shariah Review and Monitoring Section.

PEMBAYARAN ZAKAT 2023

Berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit, jumlah muktamad pengiraan zakat perniagaan **TH** adalah RM101.3 juta dibayar kepada setiap Majlis Agama Islam Negeri (“MAIN”) seperti mana garis panduan Zakat **TH**.

PEMBAYARAN ZAKAT KEPADA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI

Pembayaran kepada MAIN adalah berdasarkan purata baki minima deposit bagi setiap negeri dengan formula pengiraan seperti berikut:

$$\frac{\text{Purata minima baki deposit negeri} \\ \text{Average state minimum deposit balance}}{\text{Jumlah purata baki deposit minima seluruh negeri} \\ \text{Total average state minimum deposit balance}} \times \text{jumlah zakat perlu bayar} \\ \text{amount of zakat to be paid}$$

DANA TABUNG EHSAN

Berdasarkan Laporan Kedudukan Kewangan Dana Tabung Ehsan sehingga 31 Disember 2024, dana Tabung Ehsan berjumlah RM1,000,000 telah disalurkan kepada Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin bagi membantu rakyat Palestin yang terkesan akibat kekurangan bekalan makanan, ubat-ubatan serta kehilangan tempat tinggal. Di samping itu, dana sebanyak RM300,000 telah diagihkan kepada Sadaqa House BIMB sebagai sokongan dalam melahirkan usahawan berjaya melalui program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang dilaksanakan.

Setelah dana tersebut disalurkan untuk tujuan tersebut, baki Tabung Ehsan setakat 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM1,116,644.

Tabung Ehsan menempatkan dana pendapatan atau aset yang dijana atau diperolehi daripada urus niaga yang didapati terkeluar daripada status patuh Syariah (walaupun pada asalnya patuh Syariah semasa pelaburan dibuat) seperti yang ditentukan oleh JPS **TH**. Contoh bagi urus niaga tersebut adalah pendapatan daripada ekuiti yang berubah status dari patuh syariah kepada tidak patuh syariah. JPS **TH** telah memutuskan pendapatan tidak patuh Syariah perlu dilupuskan dengan menyalurkannya ke Baitul Maal, Badan-badan Kebajikan atau digunakan untuk kepentingan awam.

PAYMENT OF ZAKAT 2023

Based on the audited financial statements, the final amount of **TH**'s business zakat calculation, totaling RM101.3 million, has already been distributed to each State Islamic Religious Council (“MAIN”) in accordance with **TH**'s Zakat Guidelines.

PAYMENT OF ZAKAT TO THE STATE ISLAMIC COUNCIL

Payment to MAIN is based on the average minimum deposit balance for each state accordance to the calculation formula as follows:

TABUNG EHSAN FUND

Based on the Financial Position Report of the Ehsan Fund until 31 December 2024, a total of RM 1,000,000 from Tabung Ehsan has been channeled to Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin as part of efforts to assist the affected people of Palestine, including those facing shortages of food and medical supplies as well as displacement. In addition, RM300,000 has been allocated to Sadaqa House BIMB in support of nurturing successful entrepreneurs through its Corporate Social Responsibility (CSR) programs.

After these fund donations, the remaining balance of the Tabung Ehsan as of 31 December 2024, is RM1,116,644.

Tabung Ehsan is fund where income or asset generated or acquired from transactions found to be excluded of Shariah-compliant status (even if originally it was Shariah-compliant when the investment was made) as specified by the **TH** SAC. Examples of such transactions include income from equities that change from Shariah-compliant to non-compliant status. **TH** SAC has resolved that Shariah non-compliant income must be disposed of by channelling it to Baitul Maal, charitable organisations, or otherwise be used for the public interest.

LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT SYARIAH **TH**
REPORT OF THE **TH** SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

PERAKUAN PEMATUHAN SYARIAH JAWATANKUASA
PENASIHAT SYARIAH **TH**

Kami, ahli-ahli JPS **TH**, berdasarkan kepada cadangan-cadangan operasi dan urus niaga **TH** yang dikemukakan melalui mesyuarat dan/atau resolusi pekeliling dan/atau melalui medium komunikasi yang lain, ahli-ahli JPS **TH** dalam pengetahuan dan usaha terbaik mereka, mengesahkan dan memperakukan bahawa operasi dan urus niaga **TH** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 adalah mematuhi prinsip Syariah. Ahli-ahli JPS **TH** juga dalam pengetahuan dan usaha terbaik mereka, mengesahkan dan memperakukan bahawa pengiraan zakat bagi tahun kewangan 2024 adalah memenuhi keperluan yang digariskan dalam Garis Panduan Zakat **TH** yang diluluskan oleh JPS **TH**.

SHARIAH COMPLIANCE CERTIFICATE OF THE **TH**
SHARIAH ADVISORY COMMITTEE

We, the members of **TH** SAC, to the best of our knowledge and efforts based on the operational and transactional proposals of **TH** submitted through meetings and/or circular resolutions and/or through other communication mediums, confirm and certify that **TH**'s operations and transactions for the financial year ending 31 December 2024 are in compliance with Shariah principles. **TH** SAC members also, to the best of their knowledge and efforts, confirm and certify that the calculation of zakat for the financial year 2024 meets the requirements outlined in the **TH** Zakat Guidelines approved by **TH** SAC.

Bagi pihak JPS **TH** / On behalf of the **TH** SAC,



Profesor Dr. Ashraf Md Hashim
Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Syariah
Chairman of the Shariah Advisory Committee



Datuk Profesor Dr. Mohamad Akram Laldin
Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah
Member of the Shariah Advisory Committee

LAPORAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

INTEGRITY AND GOVERNANCE REPORT


KOMITMEN TERHADAP INTEGRITI DAN TATAKELOLA BAIK

Bahagian Integriti dan Tadbir Urus melaksanakan fungsi berdasarkan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 1 No. 1 Tahun 2018 - Penubuhan Unit Integriti Dan Governans (IGU) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan termasuk di bawah Kerajaan Negeri dan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Versi 1.0) 2022 mengenai Struktur dan Modul Perjawatan, Ceraian SP.1.2.1 (Penubuhan Unit Integriti di semua Agensi Awam).

Bahagian Integriti dan Tadbir Urus berperanan untuk membudayakan prinsip membenci dan menolak rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam organisasi melalui empat (4) fungsi teras iaitu:

- » Pengesanan dan Pengesanan;
- » Pengurusan Aduan;
- » Tadbir Urus; dan
- » Pengukuhan Integriti

Pelaporan Bahagian Integriti dan Tadbir Urus TH TH Integrity and Governance Division Report



Bahagian ini memainkan peranan proaktif dalam melaksanakan fungsi yang ditetapkan secara menyeluruh agar ia seiring dengan hala tuju dan agenda Kerajaan ke arah pengukuhan integriti, antirasuah dan tatakelola yang baik.

COMMITMENT TO INTEGRITY AND GOOD GOVERNANCE

The Integrity and Governance Division performs its functions based on the Prime Minister's Directive Series 1 No. 1 of 2018 - Establishment of Integrity and Governance Unit in Government-Linked Companies (GLCs), companies owned by the Ministry and Government Agencies including the State Government and the "Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Versi 1.0) 2022 mengenai Struktur dan Modul Perjawatan, Ceraian SP.1.2.1 (Penubuhan Unit Integriti di semua Agensi Awam)".

The Integrity and Governance Division plays a role to foster the principle of abhorring corruption, abuse of power and malpractice within the organisation through four (4) core functions namely:

- » Detection and Verification;
- » Complaints Management;
- » Governance; and
- » Integrity Enhancement

This division plays a proactive role in executing its designated functions, ensuring compliance and alignment with the Government agenda to strengthen integrity, combat corruption and uphold good governance.

LAPORAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS
INTEGRITY AND GOVERNANCE REPORT


PELAN INTEGRITI

Pelan Integriti **TH** 2023 - 2027 yang telah dilancarkan pada 17 Ogos 2023 merupakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) yang dibangunkan berdasarkan saranan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan Strategi Antirasuah Nasional (NACS) 2024-2028. **TH** komited untuk menjadi institusi Islam yang dihormati berdasarkan prestasi dan tatakelola yang baik.

Rangka Kerja Pelan Integriti **TH**
TH Integrity Plan Framework

INTEGRITY PLAN

The **TH** Integrity Plan 2023 - 2027 was launched on 17 August 2023 is an Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) developed in accordance with the recommendations of the National Anti-Corruption Plan (NACP) and the National Anti - Corruption Strategy (NACS) 2024-2028. **TH** is committed to becoming a respected Islamic institution based on performance and good governance.





PENSIJILAN ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) TH

TH telah menerima Pensijilan ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 10 November 2017. Pensijilan ini diperbaharui setiap tiga tahun dan TH telah berjaya memperoleh akreditasi pensijilan sehingga 5 November 2026.

Skop pensijilan ABMS TH merangkumi semua fungsi utama iaitu pengurusan dan operasi perkhidmatan haji di Malaysia dan Arab Saudi, penyampaian perkhidmatan pelanggan dan tabungan, pengurusan perolehan, pengurusan pelaburan, perkhidmatan sokongan yang menyokong aktiviti teras TH.

PENARAFAN RISIKO RASUAH TH

Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan penarafan risiko rasuah terhadap agensi awam setiap tiga tahun. Bagi tempoh 2020 sehingga 2022 TH ditarafkan kategori Risiko Sederhana. Sebagai salah satu Syarikat Pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC), TH sentiasa komited dalam menyokong usaha Kerajaan membanteras rasuah dan mengamalkan tatakelola terbaik.

CERTIFICATION OF TH'S ISO 37001:2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS)

TH was awarded the ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System Certification by SIRIM QAS International Sdn Bhd on 10 November 2017. This certification is subject to renewal every three years and TH has successfully secured accreditation for the certification until 5 November 2026.

The scope of TH's ABMS certification encompasses all key functions, including the management and operation of hajj services in both Malaysia and Saudi Arabia, customer service and deposits, procurement management, investment management, as well as the support services that sustain TH's core operations.

TH CORRUPTION RISK RATING

In accordance with the Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Versi 1.0 (2022) Ceraian SP.1.2.1, the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) conducts a corruption risk assessment of public agencies every three years. For the period from 2020 to 2022, TH has been classified as a moderate corruption risk organisation. As one of the Government-Linked Investment Companies (GLIC), TH remains steadfast to contribute to the Government's efforts in combating corruption and upholding the highest standards of governance.

LAPORAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS

INTEGRITY AND GOVERNANCE REPORT

INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH DAN PEMANTAPAN

TATAKELOLA

Sepanjang tahun 2024, **TH** telah melaksanakan beberapa inisiatif pencegahan rasuah dan pemantapan tatakelola kepada pihak berkepentingan seperti berikut:

ANTI-CORRUPTION AND GOVERNANCE

STRENGTHENING INITIATIVES

Throughout 2024, **TH** has implemented several anti-corruption and governance strengthening initiatives for stakeholders as follows:

Kerjasama strategik dengan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Strategic collaboration with Government-Linked Investment Companies	TH telah bekerjasama dengan enam Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) untuk menganjurkan Majlis Integriti GLIC 2024 (GIE 2024) di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur pada 12 November 2024. Majlis ini diterajui oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan penyertaan Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (KWP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bertemakan “Tatakelola Berwibawa Memacu Kelestarian Malaysia MADANI”. 	TH has collaborated with six Government-Linked Investment Companies (GLICs) to organise the GLIC Integrity Event 2024 (GIE 2024) at the Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur on 12 November 2024. The event was led by the Employees Provident Fund (EPF) with the participation of Khazanah Nasional Berhad, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Retirement Fund (KWP), Armed Forces Fund Board (LTAT), and Social Security Organisation (SOCSO) with the theme “Credible Governance Driving the Sustainability of Malaysia MADANI”. 
Forum Pematuhan Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 melalui TH Group Summit 2024 Section 17A, MACC Act 2009 Compliance Forum through TH Group Summit 2024	Pada 8 Mei 2024 telah diadakan Sesi Forum bertajuk “Compliance to Section 17A Towards Good Governance Practices” yang dianjurkan bersama oleh Bahagian Integriti dan Tadbir Urus dan Bahagian Pelaburan Strategik semasa TH Group Summit 2024 di Hotel Impiana KLCC, Kuala Lumpur yang melibatkan 175 peserta terdiri daripada Lembaga Pengarah dan Pengurusan TH, Ahli Lembaga Pengarah Nominasi serta Pengurusan Anak Syarikat TH. Panel forum terdiri daripada SPRM, Bank Islam dan TH.	On 8 May 2024, a forum session entitled “Compliance to Section 17A Towards Good Governance Practices” was held, jointly organised by the Integrity and Governance Division and the Strategic Investment Division during the TH Group Summit 2024 at the Impiana KLCC Hotel, Kuala Lumpur, involving 175 participants consisting of TH’s Board of Directors and Management, Nominee Board Members and Management of TH’s Subsidiaries. The forum panel featured representatives from the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Bank Islam, and TH.
Pengukuhan Integriti Strengthening Integrity	Sepanjang tahun 2024, sebanyak 16 sesi Program Pengukuhan Integriti dan Tadbir Urus telah diadakan secara bersemuka dan atas talian. Pengisian Program bertujuan meningkatkan kefahaman mengenai Pelan Integriti TH, ABMS, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah, serta Dasar Pendedahan Salah Laku di Tempat Kerja (<i>Whistleblowing Policy</i>) TH 2024. Ianya melibatkan peserta di kalangan Anggota dan pihak berkepentingan lain seperti Petugas Haji Tanah Suci dan Tanah Air Musim 1445H, anggota Ibu Pejabat TH dan Pejabat TH Cawangan. Kaji Selidik terhadap program mencatatkan purata 92.5 peratus tahap kefahaman peserta yang terlibat.	Throughout 2024, a total of 16 sessions of the Integrity and Governance Strengthening Programme were conducted through face-to-face and online platforms. The content of the Programme aimed to increase understanding of the TH Integrity Plan, ABMS, Corruption Risk Management Plan, and the TH 2024 Workplace Misconduct Disclosure Policy (Whistleblowing Policy). It involved participants among Members and other stakeholders such as Hajj Officers for the Holy Land and Homeland Season 1445H, members of the TH Headquarters and TH Branch Offices. A survey conducted after the programme recorded an average understanding level of 92.5 per cent among participants.

Kerjasama dan penandaarasan dengan agensi luar Collaboration and benchmarking with external agencies	Kajian Penanda Aras Semakan Semula <i>Integrity Pact</i> dalam Perolehan TH dan Amalan Terbaik Kod Etika Perniagaan TH telah diadakan bersama KWAP, LTAT, PERKESO, LHDN dan KWSP. Sesi Perkongsian Praktis Terbaik Siasatan turut dilaksanakan dengan Seksyen Siasatan dan Semakan Khas, Audit Dalam Kumpulan PETRONAS.	A Benchmarking Study on the Review of the Integrity Pact in TH Procurement and Best Practices of TH's Code of Business Ethics was held with KWAP, LTAT, SOCSO, IRB and EPF. A Sharing Session on Best Practices on Investigations was also held with the Investigation and Special Review Section, PETRONAS Group Internal Audit.
Penambahbaikan polisi dan dasar Antirasuah Improvement of Anti-Corruption policies and procedures	Semakan semula Dasar Pendedahan Maklumat tentang Salah Laku di Tempat Kerja (<i>Whistleblowing Policy</i>) TH Tahun 2024, Garis Panduan Pelaksanaan <i>Integrity Pact</i> dalam Perolehan TH Tahun 2024 dan Manual Pensijilan ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) TH bagi Tahun 2024.	Review of TH's Whistleblowing Policy for 2024, Guidelines for the Implementation of the Integrity Pact in TH Procurement for 2024 and TH's ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management Systems (ABMS) Certification Manual for 2024.
Pemantauan dan khidmat nasihat Pematuhan Korporat Liabiliti Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 Corporate Compliance Monitoring and Advisory Services Liability Section 17A, MACC Act 2009	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus telah melaksanakan Pemantauan dan Khidmat Nasihat Pematuhan terhadap Garis Panduan Tatacara Mencukupi terhadap Anak Syarikat TH. Sesi Bengkel Pembangunan Corruption Risk Management (CRM) TH Plantations Bhd pada 9 Januari 2024, TH Properties Sdn Bhd pada 13 September 2023, TH Travel & Services Sdn Bhd pada 10 Disember 2024 dan Takaful Malaysia Berhad pada 11 Oktober 2024.	The Integrity and Governance Division has implemented Monitoring and Advisory Services on Compliance with the Adequate Procedures Guidelines for TH Subsidiaries. TH Plantations Bhd Corruption Risk Management (CRM) Development Workshop Session on 9 January 2024, TH Properties Sdn Bhd on 13 September 2023, TH Travel & Services Sdn Bhd on 10 December 2024, and Takaful Malaysia Berhad on 11 October 2024.
Pemantapan hubungan baik dengan pihak berkuasa Strengthening good relations with authorities	Memperkasa Hubungan Kerjasama antara TH dan SPRM melalui Sesi Libat Urus PUK & KPE TH bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 22 November 2024. Selain itu, TH juga telah melaksanakan Sesi Khidmat Nasihat Penambahbaikan Tatakelola Amalan, Sistem dan Tatacara berhubung Agensi Pelancongan yang dilantik sebagai Pengelola Jemaah Haji di Lembaga Tabung Haji yang diadakan pada 7 Disember 2023 antara TH, SPRM dan JAWHAR; dan Sesi Libat Urus Bahagian Integriti dan Tadbir Urus bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM mengenai Komponen Pengukuran Penarafan Risiko Rasuah TH dan Anak Syarikat TH pada 12 September 2024.	The cooperative relationship between TH and MACC was strengthened through the TH PUK & KPE Engagement Session with the MACC Chief Commissioner on 22 November 2024. In addition, TH has also implemented an Advisory Service Session on improving the Governance of Practices, Systems and Procedures regarding Travel Agencies appointed as Hajj Pilgrimage Organisers at the Tabung Haji Board held on 7 December 2023 between TH, MACC and JAWHAR; and an Engagement Session between the Integrity and Governance Division with the Agency Integrity Management Division, MACC on the Components of the Corruption Risk Rating Measurement of TH and TH Subsidiaries on 12 September 2024.
 		

Dalam Bahagian Ini: In this Section:

- 158 Program CSR Zakat
CSR Zakat Programme
- 168 Pengurusan Tenaga
Energy Management
- 176 Sorotan Media
Media Highlights
- 178 Direktori **TH**
TH Directory



TADBIR URUS

GOVERNANCE



PROGRAM CSR ZAKAT

CSR ZAKAT PROGRAMME

Program CSR Zakat **TH** merupakan sebuah inisiatif tahunan yang menekankan peranan **TH** sebagai sebuah institusi kewangan Islam terkemuka di Malaysia. Program CSR Zakat **TH** berjalan menerusi peruntukan zakat sebagai dana utama dalam menggerakkan program-programnya. Setiap tahun, **TH** melunaskan tanggungjawab dengan membuat bayaran zakat ke semua Pusat Zakat Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri.

The **TH** CSR Zakat Programme is an annual initiative that highlights **TH**'s role as a leading Islamic financial institution in Malaysia. The programme operates using zakat allocations as its primary funding source. Each year, **TH** fulfils its responsibility by making zakat payments to all State Zakat Centres or State Islamic Councils.



Daripada jumlah zakat yang dilunaskan oleh **TH**, sebanyak RM29,599,716.13 telah diserahkan semula mengikut konsep Zakat Wakalah kepada **TH** untuk diagihkan kepada golongan sasaran yang layak berdasarkan terma dan syarat agihan yang ditentukan oleh Pusat Zakat Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri.

Zakat Wakalah yang diterima dijadikan sumber dana dalam pelaksanaan Program CSR Zakat **TH** untuk diagihkan sebagai bantuan zakat kepada penerima yang layak di seluruh negara melalui tiga (3) tonggak utama iaitu Pendidikan, Kesihatan & Komuniti dan Keusahawanan. Di bawah tonggak ini, enam (6) program utama telah dilaksanakan iaitu Program Iqra', A'fiat, Mobiliti, Ikhtiar, Ehsan dan Baiti.

Program CSR Zakat **TH** yang telah diperkenalkan sejak tahun 2012 mendapat sambutan yang menggalakkan sehingga berjaya mendekati satu (1) juta penerima secara langsung dan tidak langsung. Selain dari enam (6) program utama ini, dana tersebut turut digunakan untuk membantu dan menyokong agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), rakan-rakan strategik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui program-program kolaborasi dan bantuan bencana.

Out of the total zakat paid, RM29,599,716.13 was returned under the concept of Zakat Wakalah to **TH** for distribution to eligible target groups based on the terms and conditions set by the State Zakat Centres and State Islamic Councils.

The received Zakat Wakalah serves as a funding source for implementing **TH** CSR Zakat Programme, which is distributed as zakat assistance to eligible recipients nationwide through three (3) main pillars: Education, Health & Community, and Entrepreneurship. Under these pillars, six (6) main programmes were implemented: *Iqra'*, *A'fiat*, *Mobiliti*, *Ikhtiar*, *Ehsan*, and *Baiti*.

The **TH** CSR Zakat Programme which was introduced in 2012 has received positive responses, directly and indirectly reaching nearly one (1) million recipients. In addition to these six (6) main programmes, the funds are also used to assist and support other agencies under the Prime Minister's Department (Religious Affairs), strategic partners, and Non-Governmental Organizations (NGOs) through collaborative programmes and disaster assistance.

Program Iqra' merupakan program yang berfokus kepada pembangunan modal insan menerusi bantuan kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Menerusi Program A'fiat, sumbangan dana zakat **TH** memberi tumpuan kepada kluster kesihatan seperti sumbangan peralatan kesihatan dan kelengkapan perubatan kepada hospital atau klinik kesihatan yang terpilih di seluruh negara. Manakala, bagi Program Mobiliti, sumbangan adalah dalam bentuk kenderaan dwifungsi (van jenazah/penumpang) bagi membantu mempermudah pelaksanaan fardu kifayah terutamanya apabila berlaku kematian. Selain itu, Program Ikhtiar pula menyediakan bantuan modal permulaan serta latihan kepada golongan asnaf untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka agar mereka dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan keluar dari kelompok kemiskinan. Program Ehsan pula diperkenalkan bagi membantu golongan yang memerlukan seperti asnaf, warga emas, ibu/bapa tunggal dan orang kurang upaya untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang kian meningkat.

Bagi tahun 2024, **TH** berjaya melaksanakan pelbagai Program CSR Zakat **TH** dan membantu golongan asnaf, B40 dan yang kurang berkemampuan meningkatkan taraf hidup mereka. Sebanyak 16 program utama telah dilaksanakan oleh **TH** bagi tahun 2024 yang telah memberi manfaat kepada 672,907 penerima dengan dana aqihan zakat melebihi RM29 juta.

The Iqra' Programme focuses on human capital development by providing financial assistance to underprivileged students to pursue higher education. Through the A'fiat Programme, **TH's** zakat contributions are focused on health clusters, such as providing medical equipment and supplies to selected hospitals or health clinics nationwide. The Mobiliti Programme provides dual-function vehicles (hearse/passenger), to facilitate *fard kifayah*, especially during times of death. The Ikhtiar Programme provides initial capital assistance and training to the *asnaf* (eligible groups) to start or expand their businesses, aiming to improve their socio-economic status and help them escape poverty. The Ehsan Programme was introduced to assist those in need, such as *asnaf*, the elderly, single parents, and persons with disabilities, in reducing the burden of the rising cost of living.

In 2024, **TH** successfully implemented various CSR Zakat Programmes, benefitting *asnaf*, B40 and underprivileged groups to improve their living standards. A total of 16 main programmes have been executed by **TH** in 2024, benefitting 672,907 recipients with zakat distribution funds exceeding RM29 million.



PROGRAM CSR ZAKAT

CSR ZAKAT PROGRAMME

Ringkasan bagi program-program yang telah dilaksanakan menerusi Program CSR Zakat **TH** adalah seperti berikut:
A summary of the programmes that have been implemented through the **TH** CSR Zakat Programme is as follows:

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
